



LAPORAN TAHUNAN  
**2019**







JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

LAPORAN TAHUNAN  
**2019**



Cetakan Pertama, 2020  
Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penerbit  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
Blok C6, Kompleks C, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
65214 Putrajaya Malaysia.

Tel : +603 8885 7000  
Faks : +603 8888 9248  
Portal Rasmi : [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)  
Portal Banci : [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)  
E-mel : [info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my)

# KANDUNGAN

## PERUTUSAN

<b>PROFIL KORPORAT DOSM</b>	Tadbir Urus Carta Organisasi	10 26
<b>AKTIVITI UTAMA DOSM</b>	Data Rangka Statistik Konsultansi / Rundingan Teknikal	34 35 36
<b>PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2019</b>	Peristiwa DOSM Keluaran Statistik Baharu Diari DOSM 2019	40 58 63
<b>MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI</b>	Perjawatan ILSM Kursus & Program Latihan Pengiktirafan dan Pencapaian Anggota Sesi Walkabout Ketua Perangkawan Malaysia	72 73 74 76 77
<b>MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK</b>	SDGs <i>StatsBDA</i> Portal Banci & <i>Stats Geoportal</i> Aplikasi Mudah Alih <i>MyIPCS</i> <i>Stats Digital</i> <i>StatsDW</i> <i>i-MSBR</i> METS Atas Talian Versi 3 Fasa 2 OSL Data Science Lab MBCC TEC	82 83 84 86 87 87 88 89 90 91 92 93 94
<b>KOMUNIKASI STATISTIK</b>	Medium Penyebaran Statistik Statistik Bersama Komuniti Kunjungan Hormat dan Kunjungan Muhibah Memorandum Persefahaman (MoU)	98 104 111 113
<b>KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA</b>	Bengkel / Seminar Antarabangsa Jalinan Kerjasama Antarabangsa Pengiktirafan Antarabangsa	116 117 121
<b>WORK LIFE BALANCE</b>		

## CABARAN DAN ASPIRASI 2020

# Perutusan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَبِّكُمْ اللَّهُ وَبَرَكَاتُهُ

**Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku:  
Malaysia Makmur.**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM ALHAMDULILLAHIR  
RABBIL A'ALAMIN WASSALATUWASSALAM MUALA  
ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN WA'ALA ALIHI  
WASAHBIH AJMAIN**

Alhamdulillah. Segala puji kepada Ilahi kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan 2019 Jabatan Perangkaan Malaysia dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kompilasi informasi dan pencapaian penting Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2019.

## **PEMBEKAL STATISTIK UTAMA NEGARA**

Selama 70 tahun DOSM tidak pernah gagal dalam membekalkan statistik ekonomi dan sosial kepada kerajaan untuk menggubal dasar-dasar ekonomi negara. Dalam konteks penjanaan statistik, kerjasama erat dari semua peringkat amat diperlukan sama ada di ibu pejabat mahupun di DOSM Negeri. Warga DOSM Negeri berperanan mengumpul dan membekalkan data yang dikutip dari lapangan manakala warga DOSM di ibu pejabat bertanggungjawab dalam menganalisis data dan menghasilkan laporan bagi tujuan sebaran kepada umum.

## **KETERLIHATAN JENAMA DOSM**

Sepanjang 2019, DOSM telah menerbitkan 371 penerbitan, iaitu 194 secara bulanan, 64 secara suku tahunan dan 113 secara tahunan/ berkala yang mana 23 daripadanya adalah penerbitan baharu. Penerbitan statistik yang terkini merupakan manifestasi dan iltizam DOSM yang sentiasa proaktif dan peka terhadap keperluan statistik sehingga ke peringkat daerah. Justeru, ia dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan literasi statistik di kalangan rakyat, seiring dengan hasrat Jabatan dalam merakyatkan statistik.



## PERANAN DOSM DI DALAM DAN LUAR NEGARA

Sepanjang 70 tahun penubuhan DOSM, ianya semakin dikenali di dalam dan luar negara khususnya dalam keyakinan masyarakat tempatan dan luar negara dalam penghasilan statistik yang berdaya saing serta kepakaran anggota DOSM dalam mengaplikasikan penggunaan manual-manual statistik antarabangsa.

### DALAM NEGARA

Penganjuran *ISI World Statistics Congress* kali ke-62 (*ISI WSC 2019*) yang diadakan pada 18 hingga 23 Ogos 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan kongres statistik utama dunia yang julung kali diadakan di Malaysia. Sebagai agensi utama pengeluar statistik Negara, DOSM telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menganjurkan Kongres ini dengan kerjasama daripada pihak Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia. Penganjuran *ISI WSC 2019* telah berjaya menarik lebih daripada 2,800 orang pencinta statistik dari 130 buah negara seluruh dunia iaitu melebihi jumlah sasaran peserta 2,500 orang. Penganjuran *ISI WSC 2019* juga berjaya mengumpulkan sebanyak 1,428 kertas pembentangan daripada pelbagai aspek statistik dalam ekonomi, sosial, teknologi, politik, kesihatan, sains dan lain-lain. Kejayaan penganjuran kongres ini telah membuktikan bahawa DOSM telah berjaya merealisasikan visi DOSM untuk menjadi sebuah organisasi yang terbilang di dunia menjelang 2020.

Pada tahun 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan sambutan *MyStats Day* buat kali ketiga di Muar, Johor dengan pelbagai aktiviti yang mengisarkan tema ‘*Better Data Better Lives*’. Kehadiran YB Dato’ Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk merasmikan *MyStats Day 2019* beserta dengan YB Menteri Belia dan Sukan, Menteri Besar Johor, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan beberapa pegawai kanan Kerajaan Negeri Johor dianggap sebagai pemangkin kepada pembangunan sistem statistik Negara. Sambutan *MyStats Day* pada kali ini dianggap sangat istimewa kerana ianya disambut bersemepena ulang tahun ke-70 DOSM yang dianggap sebagai pelengkap kepada sejarah penubuhan 70 tahun DOSM sebagai sebuah entiti penjana statistik negara.

DOSM akan melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia kali ke-6 pada 7 Julai 2020. Justeru, satu Jawatankuasa Pemandu telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Hj Bakar dengan keahlian daripada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. DOSM juga telah melaksanakan Banci Percubaan Penduduk Perumahan Malaysia 2020 pada 24 Julai sehingga 7 Ogos 2019 dan 10 hingga 24 Disember 2019 sebagai persediaan untuk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dengan memanfaatkan teknologi dalam pengumpulan data.

Pada tahun 2019 juga, DOSM telah melaksanakan Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019 (WRC2019). Objektif utama pelaksanaan WRC2019 adalah untuk mengemaskini stok rangka dan profil subsektor perdagangan borong dan runcit sehingga peringkat mikro disamping mengukur sumbangan sektor borong dan runcit kepada ekonomi negara dan menyediakan instrumen bagi penggubalan dasar pembangunan, mengukur pencapaian pelan pembangunan nasional. YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor telah berkesempatan untuk merasmikan *Kick Off WRC2019* ini di Seminar Ekonomi Negeri Selangor bagi membantu DOSM dalam menyuntik semangat industri negeri Selangor bagi memberikan kerjasama dalam pelaksanaan Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019 ini. Statistik WRC2019 ini akan digunakan oleh pihak berkepentingan di dalam dan luar negara malah digunakan oleh DOSM sendiri untuk mengeluarkan perangkaan suku tahunan.

DOSM komited dalam menyokong dan melaksanakan *Sustainable Development Goals* (SDGs) sehingga 2030 seperti diputuskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Peranan DOSM dalam SDGs di Malaysia adalah sebagai ‘focal point’ bagi penyelarasan pembangunan SDGs. Manakala di peringkat antarabangsa ia membabitkan pembangunan petunjuk SDGs diperingkat ASEAN. Bagi memastikan fungsi DOSM sentiasa relevan dengan matlamat pembangunan SDG maka DOSM telah mengadakan Seminar Statistik Kali ke 3 (2019): Mendepani Cabaran dan Agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs) Nasional pada 26 – 27 Jun 2019 di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak. Objektif seminar ini adalah untuk

memberi pendedahan dan pemahaman yang meluas berkaitan agenda SDG di peringkat Antarabangsa di samping menyediakan platform kepada agensi untuk menghasilkan kajian dan analisis yang merentasi pelbagai matlamat dan sasaran dalam agenda ini.

## LUAR NEGARA

DOSM juga telah berjaya menempa nama di persada antarabangsa melalui perlantikan sebagai *Chairman, Co-Chair, expert group* dan tenaga pengajar. Alhamdulillah sehingga kini, DOSM masih menyandang jawatan *chairman* dalam *OIC-StatCom, UNESCAP BUREAU of The Committee on Statistics, Task Force on Asia Pacific Economic Statistics Week* dan sebagai *co-chair* di *Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC StatCom*.

Sepanjang tahun 2019, terdapat ramai pegawai DOSM yang telah dilantik sebagai ahli dalam beberapa pertubuhan dunia seperti *Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS)*, *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific*, *Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs)* dan *International Association for Official Statistics (IAOS) Executive Committee (EXCO)*. Beberapa pegawai DOSM juga telah dilantik sebagai *Expert Group* dan Tenaga Pengajar di luar negara seperti *Sub-Group on Gender Statistics Training, Expert Group on Refugees and Internationally Displaced Persons Statistics (EGRIS), Experts on Business Registers* dan beberapa lagi bidang kepakaran yang telah disertai.

## PENUTUP

Seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* 2019 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan, DOSM perlu memastikan statistik yang dibekalkan adalah tepat dan *reliable* bagi mencapai matlamat kerajaan dalam WKB 2030. Matlamat ini juga selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) pada tahun 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations*. Untuk makluman, Jabatan telah menjadi *focal point* bagi SDGs 2030.

Saya amat bersyukur atas kepercayaan Kerajaan terhadap kepentingan DOSM dalam perancangan dasar negara, skop perjawatan Perangkawan

kini telah diperbesarkan melalui penambahan bidang sains dan teknologi komputer. Justeru, DOSM perlu membangunkan generasi baru dengan kemahiran *statistical modelling, machine learning, programming* dan *database*. Generasi baru ini juga harus diterap dengan *domain knowledge, soft skills, komunikasi* dan *visualisation*. Marcapada yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, pengurusan *Big Data* adalah sangat penting bagi kerajaan kerana ia membolehkan sesuatu keputusan dibuat secara lebih cepat atau *real-time*. Penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, *Internet of Things (IoT)*, analisis dan *big data*, simulasi, sistem integrasi, penggunaan *robotic* dan *cloud* merupakan lanskap dunia moden di dalam Industri 4.0.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin**  
Ketua Perangkawan Malaysia





# PROFIL KORPORAT DOSM



Tadbir Urus

Carta Organisasi

# Tadbir Urus

## Latar Belakang

**Jabatan Perangkaan Malaysia** ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan Ordinan Statistik 1949 dan dikenali sebagai Biro Statistik. Perangkaan yang dihasilkan pada masa itu terhad hanya kepada data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.

Pada tahun 1965, Biro Statistik telah bertukar nama kepada Jabatan Perangkaan Malaysia dan beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965. Fungsi dan peranan Jabatan seterusnya telah berkembang di mana data/maklumat yang dikumpul semakin meluas merangkumi bidang ekonomi dan juga sosial.

Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan **agensi utama kerajaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi** yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia yang beribu pejabat di **Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya** juga mempunyai pejabat di setiap negeri. Bagi memantapkan lagi kerja-kerja pengumpulan data oleh Jabatan Perangkaan Negeri, Pejabat-pejabat Operasi di beberapa buah negeri telah diwujudkan.

## Punca Kuasa DOSM

“DOSM ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance 1949* dan dikenali sebagai Biro Statistik.”

*Statistics Ordinance 1949* telah dimansuhkan dan digantikan dengan **Akta Perangkaan 1965**. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):

“Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa-apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan).”

Tadbir urus statistik secara amnya berteraskan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi.

Statistik rasmi merupakan teras kepada proses pembentukan dasar sosioekonomi negara. DOSM menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar.

Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan terutamanya oleh Kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.



### UNITED NATIONS FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

Akta 415

**AKTA PERANGKAAN 1965**

(Disemak - 1989)

Teks ini BAWALAH TERIMAHAH oleh Jabatan Peggawai Negara, Kuala Lumpur, bagi Statistic Act 1965 sebagaimana diubah dalam tahun 1989. Melainkan ditetapkan sebagai salih di bawah sekyuan 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963-67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.



**UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA**

CETAKAN SEMULA

Akta 16

**AKTA BANCI 1960**

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini BAWALAH TERIMAHAH oleh Jabatan Peggawai Negara bagi Census Act 1960. Melainkan jla dan sehingga ditetapkan salih di bawah sekyuan 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963-67(Akta 32), ia bukannya perundangan



The diagram consists of ten hexagonal boxes arranged in a circle, each containing a principle number and its name in English:

- 01 Relevance, impartiality and equal access**
- 02 Professional standards and ethics**
- 03 Accountability and transparency**
- 04 Prevention of misuse**
- 05 Sources of official statistics**
- 06 Confidentiality**
- 07 Legislation**
- 08 National coordination**
- 09 Use of international standards**
- 10 International cooperation**

# Pelan Transformasi Jabatan

“Selaras dengan usaha untuk merealisasikan Visi DOSM sebagai sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang 2020, DOSM telah merangka Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010-2014 disusuli Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) 2015-2020 yang komprehensif.”

Kedua-dua pelan ini melakarkan arah tuju Jabatan dalam memenuhi keperluan agenda transformasi negara serta memenuhi ekspektasi pengguna yang semakin dinamik dan kompleks. PSJ 2010-2014 telah mencapai hampir keseluruhan sasaran yang dirancang dan lebih separuh berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

PTJ 2015-2020 memberi fokus kepada empat teras strategik, merangkumi penghasilan produk dan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan *reliable*, pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien, mendaya upaya bakat dan memperkasa peranan penjana statistik.

Teras strategik ini diperhalusi dengan 13 strategi, 26 program dan 81 aktiviti bagi mengukuhkan DOSM sebagai organisasi yang dinamik. Pelan transformasi ini menjadi wadah pencetus kecemerlangan dan memacu DOSM untuk bergerak seiring dengan pencapaian negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Seterusnya, DOSM akan menjadi organisasi statistik yang terbilang di dunia dan menjadi rujukan utama komuniti statistik global.

Peranan di peringkat global turut diberi keutamaan agar DOSM setaraf dengan agensi statistik maju negara lain dan menjadi aspirasi kepada agensi statistik serantau.



JABATAN PERANGKAAN  
**MALAYSIA**

## PELAN TRANSFORMASI JABATAN PERANGKAAN **MALAYSIA 2015-2020**

**VISI**

Menjadi sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang Di Dunia Menjelang 2020

**MISI**

Penjana Statistik Negara yang Berintegriti dan Reliable

**Teras**  
Strategik

1

Penghasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Berintegriti dan Reliable

**Teras**  
Strategik 2

2

Pengurusan Sumber dan Infrastruktur yang Efisien

**Teras**  
Strategik 3

3

Mendaya Upaya Bakat

**Teras**  
Strategik 4

4

Memperkasa Peranan Penjana Statistik

**Teras**  
Strategik

Berhemah dan Berwibawa

Semangat Berpasukan

Kompeten

Professionalisme

Kepuasan Pelanggan

## Pelan Tindakan & Pelan Pelaksanaan PTJ 2015-2020

PELAN  
STRATEGIK  
ICT  
2016-2020

PELAN  
INTEGRITI  
JABATAN  
2016-2020

PELAN  
STRATEGIK  
ILSM  
2016-2020

Integriti dan Akauntabiliti

# Generic Statistical Business Process Model

Untuk memastikan aktiviti statistik rasmi menggunakan penanda aras global, DOSM telah mengadaptasi kerangka kerja **Generic Statistical Business Process Model (GSBPM)** yang diperkenalkan oleh *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)* mulai 2011.



GSBPM ini mengandungi **lapan proses utama dengan 45 subproses** yang merangkumi peringkat perancangan, prosesan, analisis dan penyebaran statistik rasmi.

Versi terkini yang digunakan adalah **GSBPM versi 5.0, 2013**.



# Maklumat Korporat

## VISI

Menjadi Sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang Di Dunia Menjelang 2020



## MISI



Penjana Statistik Negara yang Berintegriti dan *Reliable*

## PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.



## SLOGAN



“ Penjana Statistik  
**NEGARA**”

## OBJEKTIF

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi; dan
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna

## FUNGSI JABATAN

Di bawah "Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah :

- Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain
- Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka

## DASAR KUALITI

Jabatan Perangkaan Malaysia komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan

# Piagam Pelanggan

**DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, reliable dan berintegriti iaitu:**

- 
- The diagram consists of three large, stylized numbers (1, 2, 3) each connected by a horizontal line to a corresponding text block. Number 1 is green, number 2 is blue, and number 3 is red.
- 1** Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut Kalender Keluaran Awalan (*Advanced Release Calendar -ARC*) yang ditetapkan.
  - 2** Memastikan prasarana eStatistik boleh diakses 24 jam sehari.
  - 3**
    - Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan;
    - Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
    - Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
    - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
    - Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.

**DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:**

- 
- The diagram consists of two large, stylized numbers (1, 2) each connected by a horizontal line to a corresponding text block. Number 1 is blue, and number 2 is orange.
- 1** Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan
  - 2** Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.

# Nilai Teras

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:



## KEPUASAN PELANGGAN



Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.



## PROFESSIONALISME

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.



## KOMPETEN

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.



## INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.



## SEMANGAT BERPASUKAN

Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.



## BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

# Pengertian Logo



1

## BULATAN

MENGAMBARAKAN KESEPAKATAN ANGGOTA JABATAN DALAM MENCAPAI VISI DAN MISI

2

## WARNA JINGGA (OREN)

ENERGETIC, BERSEMANGAT DALAM MENJALANKAN TUGAS. BERANI MENYAHUT CABARAN UNTUK SETANDING DENGAN AGENSI PERANGKAAN LAIN DI DUNIA.

3

## WARNA MERAH

MENGAMBARAKAN KETEGASAN JABATAN DALAM MENJAGA KERAHSIAAN MAKLUMAT RESPONDEN

4

## GARISAN GRID PUTIH


MENUNJUKKAN JARINGAN HUBUNGAN KERJASAMA YANG GLOBAL.

5

## ANAK PANAH

MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN PESAT JABATAN SEJAK PENUBUHANNYA. IA TURUT MENGGAMBARKAN PERANAN JABATAN SERTA KUALITI DATA YANG SEMAKIN MENINGKAT SEIRING DENGAN KEHENDAK PENGGUNA.

# Carta Organisasi



# DOSM Negeri & Pejabat Operasi



IBU PEJABAT DAN INSTITUT LATIHAN

- 1 Ibu Pejabat (Putrajaya) Jabatan Perangkaan Malaysia
  - 2 Ibu Pejabat (Wisma Minlon) Jabatan Perangkaan Malaysia, Seri Kembangan, Selangor.
  - 3 Institut Latihan Statistik Malaysia Sungai Perak

DOSM JOHOR

- 4 Pejabat Negeri, Johor Bharu
  - 5 Pejabat Operasi Kluang
  - 6 Pejabat Operasi Muar

DOSM KEDAH

DOSM KELANTAN

- 10 Pejabat Negeri, Kota Bharu
  - 11 Pejabat Operasi Kuala Krai

DOSM MELAKA

- 12 Pejabat Negeri Aver Keroh


DOSM NEGERI SEMBILAN

- ### 13 Pejabat Negeri, Seremban

DOSM PAHANG

DOSM PULAU PINANG

- 17 Pejabat Negeri, Pulau Pinang  
18 Pejabat Operasi Seberang Prai



# Kewangan

Pada tahun 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus sejumlah **RM188,461,800.00** berbanding **RM174,501,350.00** pada tahun 2018. Peruntukan Belanja Pembangunan turut meningkat daripada **RM68,876,396.00** pada tahun 2018 kepada **RM136,737,169.32** pada tahun 2019.

## – Belanja Mengurus

Peruntukan Belanja Mengurus sebanyak **RM188,461,800.00** meliputi program Dasar Sedia Ada (DSA) sejumlah **RM188,311,800.00** dan Program Khusus Bertugas Luar Negara sejumlah **RM150,000.00**. Sehingga 31 Disember 2019, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Mengurus adalah sebanyak **95.68 peratus** dengan perincian seperti di bawah:-

Perbelanjaan Belanja Mengurus **Tahun 2019**

Dasar	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Prestasi Belanja (%)
DSA	188,311,800.00	180,170,362.73	8,141,437.27	95.68
Program Khusus	150,000.00	148,879.02	1,120.98	99.25
<b>Jumlah</b>	<b>188,461,800.00</b>	<b>180,319,241.75</b>	<b>8,142,558.25</b>	<b>95.68</b>

## – Belanja Pembangunan

- Peruntukan Belanja Pembangunan bagi tahun 2019 sebanyak **RM147,450,000.00** melibatkan 6 projek. Walau bagaimanapun, sebanyak **RM14,912,830.68** telah dikembalikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Manakala sebanyak **RM4,200,000.00** telah ditambah kepada peruntukan Jabatan bagi tujuan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 menjadikan peruntukan sebenar yang diterima adalah sebanyak **RM136,737,169.32**.
- Sehingga 31 Disember 2019, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Pembangunan adalah sebanyak **95.58 peratus**. Perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

## Perbelanjaan Belanja Pembangunan Sehingga 31 Disember 2019

Projek	Peruntukan Lulus (RM)	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Peratus Belanja (%)
Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020	68,000,000.00	72,200,000.00	69,349,420.28	2,850,579.72	96.05
Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019	16,900,000.00	13,395,937.00	12,727,596.31	668,340.69	95.01
Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah/Kemudahan Asas 2019/2020	46,000,000.00	34,734,132.32	33,117,060.00	1,617,072.32	95.34
Sistem Makumat Bersepadu Statistik NEWSS Fasa V	12,550,000.00	12,550,000.00	12,280,565.79	269,434.21	97.85
Survei Guna Tenaga Suku Tahunan (Job Creation)	2,000,000.00	1,951,300.00	1,658,180.52	244,419.48	84.98
Survei Gaji dan Upah	2,000,000.00	1,905,800.00	1,564,815.33	246,784.67	82.11
<b>JUMLAH</b>	<b>147,450,000.00</b>	<b>136,737,169.32</b>	<b>130,697,638.23</b>	<b>5,896,631.09</b>	<b>95.58</b>

### – Kawalan dan Pemantauan

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan dan pengurusan kewangan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang diberikan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value for money*.

# Carta Organisasi

Pada masa kini, DOSM beroperasi melalui **tiga program** iaitu Program Pengurusan Korporat, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal dan Program Ekonomi yang meliputi **16 Bahagian di Ibu Pejabat, 14 DOSM Negeri dan 28 Pejabat Operasi** di seluruh Malaysia.

## PENGURUSAN



**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



**PUAN HAJAH NAZARIA BAHARUDIN**  
TIMBALAN KETAU PERANGKAWAN  
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



**TUAN HAJI IBRAHIM BIN JANTAN**  
TIMBALAN KETAU PERANGKAWAN  
PROGRAM EKONOMI

## PENGURUSAN KORPORAT



**ENCIK MUSTAFA BIN ABDULLAH**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



**ENCIK SAIFUZZAMAN BIN ABDUL MANAN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



**ENCIK MOHD RIDAUDDIN MASUD**  
PENGARAH  
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA



**PUAN SHAFIZAERMAWATY SHAFEI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
KOMUNIKASI STRATEGIK DAN  
ANTARABANGSA

## MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS



**PUAN NORALIZA MOHAMAD ALI**  
KETUA CORE TEAM



**DR. ABD. LATIB BIN TALIB**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN AKAUN NEGARA



**ENCIK ZAINUDDIN AHMAD**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN



**PUAN JAMALIAH JAAFAR**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA



**CIK KANAGESWARY RAMASAMY**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN IMBANGAN  
PEMBAYARAN



**PUAN JAMIA AZNITA JAMAL**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



**ENCIK AB.RAHMAN MOHAMAD**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PENGELUARAN INDUSTRI DAN BINAAN

## SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



**DATIN ROZITA TALHA**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PENDUDUK DAN DEMOGRAFI



**PUAN SITI ASIAH AHMAD**  
PENGARAH KANAN  
BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA,  
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



**PUAN SITI HASLINDA MOHD DIN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN INTEGRASI  
DAN PENGURUSAN DATA



**PUAN RYANTI SAARI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN METODOLOGI DAN  
PENYELIDIKAN



**PUAN SITI ZAKIAH MUHAMAD ISA**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
PERTANIAN DAN ALAM SEKITAR



**ENCIK AHMAD JESREE BIN KAMARUDIN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANGKAAN  
TENAGA MANUSIA DAN SOSIAL

## DOSM NEGERI



**PUAN NORHAYATI JANTAN**  
PENGARAH DOSM  
SABAH



**ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM  
WAN MOHD NAJURI**  
PENGARAH DOSM  
JOHOR



**ENCIK MUHAMMAD AMRI IDRIS**  
PENGARAH DOSM  
SELANGOR



**PUAN ROSLAWATI BINTI YAHYA**  
PENGARAH DOSM  
SARAWAK



**PUAN NORFARIZA HANIM KASIM**  
PENGARAH DOSM  
WILAYAH PERSEKUTUAN



**PUAN RAFLIZA RAMLI**  
PENGARAH DOSM  
PERAK



**ENCIK MOHD SUHAIMI MOHD YUNUS**  
PENGARAH DOSM  
PULAU PINANG



**ENCIK ZURAIDY ZAINAL ABIDIN**  
PENGARAH DOSM  
KELANTAN



**PUAN SUZANA ABU BAKAR**  
PENGARAH DOSM  
KEDAH



**PUAN HARTINI YAACOB**  
PENGARAH DOSM  
N. SEMBILAN



**ENCIK ZAINOL JAMIL**  
PENGARAH DOSM  
PAHANG



**ENCIK MOHD. SOFI ALI**  
PENGARAH DOSM  
TERENGGANU



**ENCIK MOHAMAD HAMIZAN  
ABDULLAH**  
PENGARAH DOSM  
MELAKA



**PUAN PATHMAVATHI APPULANaidu**  
PENGARAH DOSM  
PERLIS





# AKTIVITI UTAMA DOSM



Konsultansi / Rundingan Teknikal



Rangka Statistik

Data

# Data

## Data Primer

### Banci dan Survei

Seiring dengan ketersediaan maklumat terkini bagi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam persekitaran global yang dinamik dan mencabar, DOSM bertanggungjawab memungut, mentafsir dan menyebarkan statistik yang bertepatan masa dan relevan. Bagi tujuan tersebut, DOSM telah menjalankan pelbagai **banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan** dalam bidang ekonomi dan sosial.

### Data Sekunder

Data sekunder merupakan salah satu data yang digunakan oleh DOSM dalam membuat penyusunan statistik. Data tersebut diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk rekod pentadbiran yang diperoleh daripada agensi kerajaan dan swasta.

Hasil daripada pelaksanaan banci dan survei serta penyusunan data sekunder ini, DOSM telah menerbitkan 352 penerbitan sepanjang tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, **23 penerbitan merupakan penerbitan baharu**.

KATEGORI	Bilangan Penerbitan dan Keluaran	
	Keseluruhan	Baharu
Bulanan	192	-
Suku tahunan	52	-
Tahunan/Ad Hoc	108	23
<b>Jumlah</b>	<b>352</b>	<b>23</b>

# Rangka Statistik

## Malaysian Statistical Address Register (MSAR)


MSAR merupakan platform pangkalan data tempat kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Banci 2020. Bagi tujuan persediaan Banci 2020, kerja-kerja penyelarasan, pemetaan dan semakan M8 sedang giat dijalankan bersama Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi. Sehingga **30 Oktober 2019**, bilangan Daerah Banci (DB) seluruh Malaysia adalah **1,090 DB** berbanding pada tahun 2010 adalah sebanyak 807 DB.

Senarai blok penghitungan (BP) dan TK dikemaskini melalui sistem bersepadu dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Rangka Isi Rumah di bawah platform *National Enterprise Wide Statistical Systems* (NEWSS). Sistem ini memainkan peranan utama dalam pengeluaran statistik isi rumah dan juga merupakan sumber rangka utama banci dan survei isi rumah yang dilaksanakan di DOSM. Sehingga **31 Oktober 2019**, bilangan BP adalah **97,252 BP** dan **9,002,746 TK**.

## Malaysian Statistical Business Register (MSBR)

MSBR merupakan sumber data untuk menyusun maklumat demografi berkenaan senarai pertubuhan perniagaan yang berstruktur dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. Pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian di bawah platform NEWSS. MSBR berperanan sebagai sumber rangka untuk banci dan survei ekonomi di DOSM. Jenis-jenis sektor adalah seperti berikut:

- i. Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan;
- ii. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara;
- iii. Pembinaan;
- iv. Pembuatan;
- v. Perlombongan dan pengkuarian;
- vi. Pertanian; dan
- vii. Perkhidmatan



# Konsultansi/ Rundingan Teknikal

Sebanyak **280** konsultansi/ rundingan teknikal telah diberikan oleh DOSM melalui Bahagian **(202)** dan DOSM Negeri **(78)** kepada agensi awam, pihak swasta, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Organisasi Statistik Negara lain sepanjang tahun 2019.

## Rundingan Teknikal

Rundingan teknikal terdiri daripada kaedah pensampelan, metodologi kajian, kod dan klasifikasi, pembekalan senarai rangka dan pemilihan sampel. Rundingan teknikal ini juga termasuk cadangan pembangunan data kajian, jalinan kerjasama bagi pembekalan dan perkongsian data, pengesahan data penerbitan/kajian dan sebagainya. Penglibatan DOSM dalam memberikan khidmat nasihat ini dapat membantu agensi berkaitan dalam melaksanakan kajian yang dilaksanakan serta penghasilan indikator baharu yang diperlukan.





*Thank you  
the 62nd ISI World Statistics Congress*



THE HAGUE

*See you at the 63rd ISI World Statistics Congress  
in The Hague, The Netherlands  
Observe the dates: 11–15 July 2014*



# PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2019



Peristiwa DOSM

Keluaran Statistik Baharu

Diari Aktiviti DOSM

# 62<sup>nd</sup> ISI WSC 2019

Penganjuran **ISI World Statistics Congress kali ke-62 (ISI WSC 2019)** yang diadakan pada **18 hingga 23 Ogos 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre** yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan **kongres statistik utama dunia** yang julung kali diadakan di Malaysia. Sebagai agensi utama pengeluar statistik rasmi Negara, DOSM telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menganjurkan Kongres ini dengan kerjasama daripada pihak **Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM)**. Penganjuran ISI WSC 2019 telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat Antarabangsa dimana buat pertama kalinya sejak penganjuran ISI WSC ini ianya telah dirasmikan oleh seorang Perdana Menteri dan juga memperkenalkan lagu tema yang berjudul "**Statistics Bloom In Harmony**". Jawatankuasa penganjuran ISI WSC 2019 telah berjaya menarik lebih daripada **2,800 orang pencinta statistik dari 130 buah negara seluruh dunia** iaitu melebihi jumlah sasaran peserta 2,500 orang. Penganjuran ISI WSC 2019 juga berjaya mengumpulkan sebanyak **1,428 kertas pembentangan** daripada pelbagai aspek statistik dalam ekonomi, sosial, teknologi, politik, kesihatan, sains dan lain-lain. Kejayaan penganjuran kongres ini telah membuktikan bahawa DOSM telah berjaya merealisasikan visi DOSM untuk menjadi sebuah organisasi yang terbilang di dunia menjelang 2020.

Kongres ini adalah anjuran DOSM dengan kerjasama BNM, ISM, International Statistical Institute (ISI) serta disokong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB). Pelbagai program telah diadakan sepanjang kongres ini berlangsung, iaitu antaranya *Scientific Programme, Social Programme, Pameran, Special Talks* (e.g. by CEO Air Asia) dan sebagainya.

## Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) – Tanaman Pokok

Sebagai sebahagian daripada inisiatif CSR, DOSM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) telah menganjurkan **aktiviti tanaman pokok (tree planting)** sempena ISI WSC 2019 yang ke-62 di Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Kepong pada **17 Ogos 2019**.



# World Stats (WSC) Run 2019

Pada **18 Ogos 2019**, lebih daripada **7,000 peserta** berkumpul untuk World Stats (WSC) Run di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Larian bersejarah ini menarik perhatian pelari dari lebih daripada **45 negara di seluruh dunia**. Pelari berumur 5 tahun hingga senior warganegara



mengambil bahagian dalam larian ada yang genap lebih tua dari 70 tahun. Larian diadakan semasa perayaan bulan Merdeka.



## Acara Pra Kongres

Acara **Pra Kongres untuk ISI WSC yang ke-62** telah berlangsung pada **16 hingga 17 Ogos 2019** di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, di Kuala Lumpur. Kursus pendek ini dianjurkan oleh ISI dengan kerjasama Persatuan dengan sokongan daripada tuan rumah organisasi ISI WSC 2019.



## Majlis Perasmian

Majlis perasmian bagi ISI WSC 2019 berlangsung pada hari **Ahad, 18 Ogos 2019 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur**. Kongres itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, diikuti ucapan perasmian Presiden ISI, Helen MacGillivray dan kata aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali. Program disusuli



dengan persembahan dari tarian cerita rakyat tradisional. Majlis Perasmian diakhiri dengan lagu tema rasmi iaitu '**Statistics Bloom in Harmony**' yang dipersembahkan oleh penyanyi popular Malaysia, Adibah Noor.




## Scientific Programme

ISI WSC 2019 memperlihatkan semangat kepelbagaian komuniti statistik antarabangsa di dalam sebuah kongres yang penuh dengan pembentangan, perbincangan, perjumpaan, sapaan, dan perhubungan yang menarik melalui:

- **Special Invited Papers Sessions (SIPS)**
- **Invited Papers Sessions (IPS)**
- **Special Topic Sessions (STS)**
- **Contributed Papers Sessions (CPS)**
- **Lunch Time Discussion Group (LTDG)**
- **President's Invited Keynote Lecture**

Sepanjang kongres berlangsung, sesi serentak yang melibatkan **1,482 penceramah, panelis dan peserta** diadakan sepanjang minggu. Ia meliputi bidang yang menyeluruh, mengenangkan perbincangan, perkongsian dan memacu penggabungan idea-idea baru, pembangunan baru dan latihan yang terbaik.



## Social Programme

ISI WSC 2019 menarik minat peserta terhadap budaya Malaysia yang terdiri daripada kesinambungan antara tradisi dan kontemporari. Unsur-unsur penyatuhan budaya yang terdapat dalam reka bentuk bandarnya memaparkan pemandangan yang segar. Program-program yang telah dijalankan sepanjang kongres berlangsung ialah:

- **Welcome Reception (18 Ogos 2019)**

Para peserta dan tetamu menikmati dan dihidangkan makanan tradisi Malaysia disamping mencuba sendiri seni kreatif Malaysia seperti mencanting batik, mengukir kau, menenun songket, pewter smithing dan seni kaligrafi Cina.

- **Cultural Performance (19 - 23 Ogos 2019)**

Kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia telah dipamerkan melalui tarian tradisional dari setiap negeri di Malaysia yang memperlihatkan perbezaan Semenanjung Malaysia, Malaysia Timur dan rakyat berbilang etnik. Tarian tradisional Malaysia kaya dengan simbolik dan mempunyai semangat spiritual yang kebiasaannya berkait rapat dengan amalan kepercayaan pelbagai suku etnik dan bangsa di Malaysia.



- ***Malaysia by Night (20 Ogos 2019)***

Sesi yang santai dimana peserta bergaul mesra sambil menikmati pelbagai hidangan tempatan. Persembahan kemuncak pada malam tersebut merupakan persembahan tarian turun temurun pelbagai bangsa di Malaysia seperti Tarian Zapin (Melayu), Tarian Kipas (Cina), Tarian Bhangra (India), Joget Lambak (Portugis) dan acara sumpit dan tarian buluh (Borneo). Peserta juga dihiburkan dengan persembahan wayang kulit.



- ***Networking Dinner (22 Ogos 2019)***

ISI WSC 2019 *Networking Dinner* memberi peluang kepada peserta untuk menjalin ikatan profesional melalui pertukaran pendapat dan pandangan di dalam persekitaran yang ikonik berbentuk pemandangan bandar yang indah.



- ***Gala Dinner (23 Ogos 2019)***

Majlis makan malam merupakan acara kemuncak sepanjang kongres berlangsung. Ia merupakan malam santai setelah melalui perbincangan dan cabaran yang serius sepanjang minggu. Ia juga merupakan malam perpisahan antara peserta-peserta sehingga kongres yang seterusnya.



## Perhimpunan Agung ISI

Perhimpunan Agung ISI telah diadakan pada Khamis, 22 Ogos 2019 bertempat di *Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Centre*. Antara ringkasan yang telah dikongsi bersama oleh Presiden ISI adalah kepentingan gerak kerja ISI dalam tempoh dua tahun ini terutama kewangan. Presiden Persatuan ISI telah berkongsi dan membentangkan gerak kerja dan akitiviti yang telah dijalankan bagi tempoh dua tahun yang sama.



## Majlis Penutup

Majlis penutup juga telah diadakan di *Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Centre* pada 23 Ogos 2019. Ketika majlis ini berlangsung, ISI mengumumkan bahawa tuan rumah seterusnya bagi Kongress ISI Statistik Dunia 2021 ke 63 akan berlangsung di *The Hague, Netherlands*.



# ISI WSC 2019 e-Newsletter

**e-Newsletter** dihasilkan sebagai penerbitan ringkas mengenai berita dan info terkini terutamanya mengenai maklumat program. Topik untuk setiap **e-Newsletter** ditentukan dengan memilih pelbagai topik ilmiah. Pendekatan ini biasanya ke arah organisasi atau kumpulan tertentu orang yang mempunyai kepentingan bersama. Terdapat **11 e-Newsletter pra-kongres** yang disediakan oleh Jawatankuasa Kerja ISI WSC 2019. Semua e-newsletter diterbitkan di **laman web rasmi ISI WSC 2019** dan turut disebarluaskan melalui media sosial platform.



Siri 1  
Januari 2019



Siri 2  
Februari 2019



Siri 3  
Mac 2019



Siri 4  
Mei 2019



Siri 5  
Mei 2019



Siri 6  
Julai 2019



Siri 7  
Julai 2019



Siri 8  
Julai 2019



Siri 9  
Julai 2019



Siri 10  
Julai 2019



Siri 11  
Julai 2019

## ISI WSC 2019 Lagu Tema Rasmi – *Statistics Bloom in Harmony*

Buat pertama kalinya dalam edisi ISI WSC, negara Tuan Rumah telah menghasilkan sebuah lagu tema rasmi berjudul "Statistics Bloom in Harmony" yang dinyanyikan oleh penyanyi terkenal Malaysia iaitu Adibah Noor.

*Doesn't matter far or near  
Strength in numbers  
we don't live in fear*

*Birds of feather flock together  
Statistics our form of adour  
We, will always live it up*

### **Prechorus**

*So let us live in solidarity  
And in the world arena we'll succeed  
It is statistics that will come to be  
The reason we will bloom in harmony*

### **Chorus**

*Everybody undivided  
Data's where our hearts reside in  
There will always be a bind*

*Just like fire that ignites  
That's how brightly lit our dreams are  
We'll reach higher than the stars*

*Sending love to one another  
Leaving no one in a slumber  
We will stand with unity*

*Mustering our courage while  
Embracing our disparities  
We'll achieve our victory*

*One dream with unity  
One love with harmony*

# Hari Statistik Negara 2019 & Sambutan 70 Tahun DOSM

United Nations General Assembly (UNGA) telah mengisytiharkan Hari Statistik Sedunia disambut pada 20 Oktober 2010 dan diraikan setiap lima tahun. Buat julung kalinya pada tahun 2017, Hari Statistik Negara telah diisyiharkan dan disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober bermula 20 Oktober 2017.

Pada tahun 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan sambutan **MyStats Day buat kali ketiga di Muar, Johor** dengan pelbagai aktiviti yang mengisarkan tema "Better Data Better Lives". Kehadiran YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk merasmikan MyStats Day 2019 beserta dengan YB Menteri Belia dan Sukan, Menteri Besar Johor, Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan beberapa pegawai kanan Kerajaan Negeri Johor dianggap sebagai pemangkin kepada pembangunan sistem statistik Negara. Sambutan MyStats Day pada kali ini dianggap sangat istimewa kerana ianya **disambut bersempena ulang tahun ke-70 DOSM** yang dianggap sebagai pelengkap kepada sejarah penubuhan 70 tahun DOSM sebagai sebuah entiti penjana statistik negara. **Hari Kemuncak Sambutan Hari Statistik Negara 2019** diadakan pada **20 Oktober 2019** di **Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Muar**. Pada tahun ini, sebanyak **27 aktiviti yang telah dijalankan** bagi memeriahkan lagi sambutan kali ini.

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH EKONOMI**

**70** *Malaysia*

**HARI STATISTIK NEGARA 2019**

"Data Berkualiti Kehidupan Sejahtera"  
"Better Data Better Lives"

AHAD | 20 OKTOBER 2019

**AKTIVITI**

STATSTALK, SCHOOL OUTREACH PROGRAMME, KLINIK STATS,  
FITODSM PERDANA, SUKAN BERSAMA KOMUNITI, STATS PLOGGING

**ROAD TO HARI STATISTIK NEGARA 2019**

23 FEB GREEN STATS CSR	15 MEI EXPLORING STATISTICS
Gaming Ledang, Johor	UITM Seremban J., Negeri Sembilan
27 JUN PUSAT PEMERINTAHAN DAN SEJARAH CILAM	06 JULAI PELANCARAN ALUMNI STATISTIK
ILAM Sungai Petani, Perak	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya
05 OKT TAWAU STATISTIK	06 OKT PAMERAN STATISTIK
Tawau, Sabah	MYDDY Sungai Petani, Kelantan
11 OKT SEMINAR KALAC SEMPERNA HSBN	13 OKT KL RAILWAY TOUR
Fakulti Sains, UPM	Sukan Komuniti Mid Valley, Kuala Lumpur
17 OKT STATISTIK SAGAMAYUNG	18 -19 OKT AKTIVITI BERSAMA KOMUNITI
Sek. Mra, Sek. Tunku Ismail, Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Kuala Lumpur (JBKL), Kuala Lumpur	Stasiun Teknologi, Klinik Sains, ITTEKOSA Petaling, Stats Plogging Takrif Baru Komuniti,
20 OKT SAMBUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN	20 OKT SAMBUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN
Jelajah Hari Statistik Negara, Sambutan Hari Statistik Negara (MyStats Day) 2019 dan Sambutan 70 Tahun DOSM di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor Darul Ta'zim	Jelajah Hari Statistik Negara, Sambutan Hari Statistik Negara (MyStats Day) 2019 dan Sambutan 70 Tahun DOSM di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor Darul Ta'zim

**UPCOMING EVENTS !!**

**FEAR!!**

BANGI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Data Anda Masa Depan Kita

**GOALS MALAYSIA**

## Stats Sport



## Majlis Bacaan Yassin di Masjid Kg Parit Haji Ali





## School Outreach



## Klinik Stats



## Stats Sport BeyBlade



## StatsBike



## Harvest Pick Eat Nenas



## Majlis Makan Malam dan Persembahan Kebudayaan Statistik



## Majlis Sambutan Hari Statistik Negara 2019 di Dewan Jubli Intan, Muar, Johor



# Pelaksanaan Banci Percubaan bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

DOSM akan melaksanakan **Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia kali ke-6 pada 7 Julai 2020**. Justeru, satu Jawatankuasa Pemandu telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj Bakar dengan keahlian daripada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Pemandu ini telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 2 April 2019 di DOSM yang bertujuan untuk memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Sehubungan dengan itu, **Banci Percubaan Penduduk Perumahan Malaysia 2020** telah dijalankan bermula pada **24 Julai sehingga 7 Ogos 2019** sebagai persediaan untuk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dengan memanfaatkan teknologi dalam pengumpulan data. Objektif pelaksanaan Banci Percubaan 2019 adalah untuk menguji pemahaman orang

awam berkenaan struktur soal selidik dan mod pembancian yang dijalankan. Antara mod pembancian yang digunakan adalah seperti **Online Self-Listing (OSL)**, **e-Census**, **Computer Assisted Personal Interview (CAPI)** dan **Computer Assisted Telephone Interview (CATI)** dan ia dijalankan di tempat kediaman terpilih di seluruh negara. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi menguar-uarkan pelaksanaan Banci Percubaan 2019 ini seperti **Seminar kependudukan Negeri Sembilan yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan** dan lain-lain aktiviti promosi dan publisiti banci. Justeru, diharapkan dengan pelaksanaan Banci Percubaan Penduduk dan Perumahan ini, maka pelaksanaan banci sebenar pada 7 Julai 2020 nanti akan dapat berjalan dengan lancar menerusi penglibatan seluruh masyarakat dengan memberikan kerjasama kepada anggota DOSM di lapangan.



# Pelaksanaan Banci Perdagangan Borong & Runcit (WRC) 2019

Pada tahun 2019 juga, DOSM telah melaksanakan **Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019 (WRC2019)**. WRC 2019 telah dilaksanakan bermula bulan **April sehingga September 2019** di seluruh negara oleh DOSM. WRC diadakan **sekali dalam tempoh 5 tahun**, dan kali terakhir banci ini dilaksanakan adalah pada tahun 2014 bagi tahun rujukan 2013 yang meliputi aktiviti Kenderaan Bermotor, Perdagangan Borong dan Perdagangan Runcit. WRC 2019 melibatkan sebanyak **497,733 syarikat perniagaan berdaftar** dan berstatus aktif yang dibanci mengikut tempoh yang ditetapkan. Statistik WRC 2019 ini akan digunakan oleh pihak berkepentingan di dalam dan luar negara antaranya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Bank Dunia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya.

Objektif utama pelaksanaan WRC 2019 adalah untuk **mengemaskini stok rangka dan profil subsektor perdagangan borong dan runcit sehingga peringkat mikro disamping mengukur sumbangan sektor borong dan runcit kepada ekonomi negara dan menyediakan instrumen bagi penggubalan dasar pembangunan, mengukur pencapaian pelan pembangunan nasional**. Selain itu, ia juga digunakan sebagai *baseline* dan rujukan kepada penyusunan di peringkat Jabatan untuk mengeluarkan statistik suku tahun dan tahunan. Ia juga akan digunakan sebagai penandaarasan khususnya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, profil Perusahaan Kecil dan Sederhana, *Supply and Use Tables*, *Input and Output Table*, *Social Accounting Matrix*, *Tourism Satellite Account* dan *Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA)*.

Statistik utama yang diterbitkan dalam penerbitan ini meliputi jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan, jumlah pekerja, gaji & upah yang di bayar dan nilai harta tetap. Selain itu terdapat beberapa maklumat yang lebih terperinci dan baharu yang dikumpul seperti penggunaan ICT dan e-Dagang, pemilikan perniagaan oleh wanita, tenaga kerja bagi

orang kurang upaya (OKU) dan warga emas, profil perusahaan kecil dan sederhana (PKS), komposisi pekerja mengikut kategori pekerja dan kelulusan serta kemudahan pembiayaan dan inovasi.

YAB Tuan Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah berkesempatan untuk merasmikan Kick Off WRC 2019 ini di Seminar Ekonomi Negeri Selangor bagi membantu DOSM dalam menyuntik semangat industri negeri Selangor bagi memberikan kerjasama dalam pelaksanaan Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019 ini.



# Pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019

Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) pertama kali dilaksanakan pada tahun 1973 dan yang terkini telah diadakan pada tahun 2016. HIS/BA dilaksanakan dua kali dalam tempoh lima tahun dan HES dilaksanakan sekali dalam 5 tahun. Penyiasatan Kemudahan Asas (BA) dijalankan bersama HIS pada 1987 bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah. Pada tahun 2014 dan 2016 kedua-dua penyiasatan digabungkan serta dijalankan serentak yang dikenali sebagai Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA). Maklumat yang diperoleh adalah sebagai input penting kepada kajian dan pelaksanaan dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan sebagainya.

Pada tahun 2019, penyiasatan ini dikenali sebagai **Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA 2019)**. Sampel bagi HIES/BA 2019 meliputi **92,200 (HIS/BA) dan 57,000 (HES) Tempat Kediaman (TK)** terpilih telah dilawati dan kesemua Isi Rumah (IR) telah ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendapatan, perbelanjaan dan kemudahan asas. Kesemua **13 buah Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan di kawasan bandar dan luar bandar** terlibat dalam pelaksanaan survei ini. **Pelaksanaan kerja pungutan data HIES/BA 2019** bermula pada **1 Januari 2019** dan akan berakhir pada **31 Disember 2019**. Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS/BA) dan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) **dijangka akan diterbitkan sebelum 30 April 2020**.



# Program Forum Perdana Ehwal Islam

DOSM telah berkolaborasi bersama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi Program **Forum Perdana Ehwal Islam bertajuk "Usia Berbakti"** yang telah diadakan pada **27 Jun 2019 bertempat di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak.** Forum ini bersiaran secara langsung di **TV1**. Forum ini mempersembahkan Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Dato' Badli Shah Alauddin dari Jabatan Agama Islam Pahang sebagai panel. Moderator bagi forum ini adalah Encik Mohd Hariri Mohamad Daud dari JAKIM. Jumlah **peserta forum yang hadir adalah seramai 500 orang**. Peserta adalah terdiri daripada komuniti sekitar mukim Sungkai (termasuk pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi), peserta Seminar UPEN Perak, warga DOSM, pengurusan DOSM dan sebagainya.

Penganjuran program ini adalah amat signifikan bagi memberikan kesedaran dan kefahaman kepada seluruh lapisan masyarakat tentang program dan aktiviti yang dijalankan oleh DOSM dalam bentuk ilmiah yang mudah difahami. Secara tidak langsung ia dapat memberikan maklumat berkaitan kepentingan statistik yang mempengaruhi kehidupan dan kesejahteraan rakyat bilamana statistik berasaskan bukti digunakan untuk perancangan dan pembangunan negara. Program ini juga dapat meningkatkan tahap kesedaran di kalangan penduduk Malaysia tentang kepentingan memberikan kerjasama kepada DOSM untuk membantu pihak Kerajaan mendapatkan data berkualiti bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara.



# Pelantikan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sebagai *Ex-Officio* Majlis Produktiviti Negara (NPC)

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin telah dilantik sebagai ***Ex-Officio Majlis Produktiviti Negara (NPC)*** selepas mesyuarat Majlis Produktiviti Negara Bil.1/2019 yang dipengerusikan YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad di Putrajaya. Ini adalah mesyuarat pertama NPC setelah **Majlis Tindakan Ekonomi memutuskan pada 7 Mei 2019** untuk mengaktifkan semula Majlis ini. Kerajaan mengambil pendekatan baharu

dalam meningkatkan produktiviti negara melalui inisiatif yang dipacu sektor swasta. Pendekatan yang sama akan mendasari agenda produktiviti dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Pelantikan ini adalah pengiktirafan Kerajaan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai pakar dan sumber data yang boleh dipercayai mengenai isu dan masalah produktiviti di semua peringkat.



# Keluaran Statistik Baharu

Sepanjang tahun 2019, DOSM telah mengeluarkan:



DOSM terus meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penghasilan produk baharu. Sebanyak **23 penerbitan statistik baharu** telah dikeluarkan yang terdiri daripada 16 penerbitan Laporan Survei Pelancongan Domestik Negeri 2018, 1 penerbitan Laporan Awalan Statistik Ekonomi Tahunan 2018, 1 penerbitan Laporan Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar, Jadual Fizikal Penawaran & Penggunaan: Akaun Tenaga, Malaysia (MySEEA PSUT Tenaga) 2015, 1 penerbitan bagi *The Sustainable Development Goals (SDG) Indicators for Malaysia 2018*, 1 penerbitan Digital Ekonomi Malaysia 2018, 1 penerbitan Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (RTSA) Sarawak 2018, 1 penerbitan Statistik Siswazah 2018 dan 1 penerbitan Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong & Runcit 2019.

## Laporan Awalan Statistik Ekonomi Tahunan 2018

**Laporan Awalan Statistik Ekonomi Tahunan 2018** memaparkan perangkaan yang diperoleh daripada Survei Ekonomi Tahunan 2018 bagi tahun rujukan 2017. Ianya meliputi sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan selari dengan Banci Ekonomi 2016. Klasifikasi industri yang digunakan adalah berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)*, Revision 4.

Data utama yang berkaitan dengan nilai output kasar, nilai input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Laporan ini mengandungi **tiga bahagian utama**. Bahagian pertama menerangkan ringkasan hasil penemuan prestasi mengikut sektor. Jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian kedua, manakala bahagian ketiga pula menerangkan aspek teknikal seperti skop & liputan, konsep & definisi serta pembolehubah utama yang digunakan bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan. Buku ini telah diterbitkan pada **3 Januari 2019**.




# Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar, Jadual Fizikal Penawaran & Penggunaan: Akaun Tenaga, Malaysia (MySEEA PSUT Tenaga) 2015

**MySEEA PSUT** Tenaga memaparkan statistik penawaran dan penggunaan tenaga di Malaysia bagi tahun **2015**.

Secara umumnya, PSUT merujuk kepada aliran tenaga dalam unit fizikal di antara alam sekitar dan ekonomi Malaysia. Akaun ini merekod aliran tenaga bermula dengan pengekstrakan dari sumber alam sekitar ke dalam aktiviti ekonomi, aliran tenaga di dalam aktiviti ekonomi dan tenaga yang dilepaskan kembali ke alam sekitar. Buku ini telah diterbitkan pada **2 April 2019**.



## Penerbitan Survei Pelancongan Domestik Mengikut Negeri 2018




Pada 2019, buat pertama kalinya DOSM telah menerbitkan **Penerbitan Survei Pelancongan Domestik mengikut negeri** yang memuatkan statistik berkaitan pelancongan domestik sehingga di peringkat negeri. Perangkaan utama yang dilaporkan adalah bilangan pelawat domestik, jumlah perbelanjaan, trend perjalanan dan profil demografi. Statistik pelancongan domestik yang dimuatkan adalah berdasarkan penemuan daripada Survei Pelancongan Domestik (DTS) yang dijalankan pada 2018. Buku ini telah diterbitkan pada **27 September 2019**.

Pelancaran penerbitan ini telah diadakan bersekali dengan majlis *National Celebration of World Tourism Day, 2019* (WTD 2019) anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

# Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia, 2018



Penerbitan **Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia, 2018** merupakan penerbitan pertama berkaitan indikator SDG bagi Malaysia dan merupakan kesinambungan kepada **The Initial Assessment of The Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia, 2018** yang telah diterbitkan pada **28 Disember 2018**. **Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, Malaysia, 2018** memaparkan kemajuan di peringkat nasional untuk mencapai Agenda 2030. Laporan ini membentangkan sasaran dan indikator yang dipersetujui di peringkat antarabangsa mengikut ketersediaan data. Penerbitan ini telah dilancar dan diterbitkan pada **29 Oktober 2019** di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.



## Penerbitan **Malaysia Digital Economy 2018**

Penerbitan ini merupakan inisiatif DOSM dalam menyediakan indikator dan statistik ekonomi digital yang komprehensif dalam satu penerbitan. **"Malaysia Digital Economy 2018"** mengandungi kompilasi statistik ekonomi digital daripada banci, survei pertubuhan dan isi rumah yang dilaksanakan oleh DOSM. **Empat sumber data utama** yang disatukan dalam penerbitan ini ialah:

- Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2018;
- Penggunaan ICT dan E-dagang oleh Pertubuhan 2018;
- Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2018; dan
- Perangkaan Ekonomi Tahunan 2018 bagi Subsektor ICT.

Penyusunan "Malaysia Digital Economy 2018" adalah berdasarkan garis panduan dan manual "*Information Economy Report 2017: Digitalization, Trade and Development by United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)*" dan "*OECD Digital Economy Outlook 2017 by OECD Secretariat under the guidance of the OECD Committee on Digital Economy Policy (CDEP)*". Buku ini telah diterbitkan pada **16 Oktober 2019**.



# Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (RTSA) Sarawak 2018

**Majlis Pelancaran Penerbitan Akaun Satelit Pelancongan Wilayah (RTSA) Sarawak 2018** telah diadakan pada **10 Disember 2019** bertempat di *The Waterfront Hotel*, Kuching. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Akaun Satelit Pelancongan Wilayah Sarawak yang julung kali diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan satu laporan komprehensif yang memaparkan statistik pelancongan di peringkat Wilayah Sarawak.



## Penerbitan Statistik Siswazah 2018

**Penerbitan Statistik Siswazah 2018** telah membentangkan statistik tahunan siswazah bagi tempoh **2016 hingga 2018**. Statistik ini disusun daripada pelbagai sumber data terutamanya Survei Tenaga Buruh, Statistik Pendidikan Tinggi dan maklumat daripada Kajian Pengesanan Graduan.

Statistik gaji & upah siswazah turut dibentangkan dalam penerbitan ini untuk memberi maklumat berkenaan Pendapatan siswazah di Malaysia. Statistik ini diperoleh daripada Survei Gaji & Upah yang mengumpul maklumat berkenaan gaji & upah bulanan

diikuti pekerjaan utama sepenuh masa atau setaraf bagi pekerja bergaji. Menyedari kepentingan statistik graduan yang komprehensif, penerbitan ini membekalkan maklumat mengikut ciri-ciri demografi dan sosioekonomi iaitu kumpulan umur, jantina, kumpulan etnik, sijil tertinggi diperoleh, strata, negeri, pekerjaan taraf pekerjaan, tahap kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Penerbitan ini dilancarkan pada **13 Disember 2019** oleh Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia di Bilik Mawar, DOSM Putrajaya.



# Penerbitan Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong & Runcit 2019

**Majlis Pelancaran Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019** telah diadakan di Sasana Kijang pada **27 Disember 2019** yang lalu dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Sri' Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawatan Malaysia. Seramai **180 orang peserta** yang telah hadir ke majlis tersebut dari Jabatan Perangkaan Negeri, Bahagian, Pengguna utama dan responden yang terpilih.





# DIARI DOSM



**4 JANUARI 2019**

Sesi Walkabout Ketua Perangkawan Malaysia ke Bahagian-Bahagian di DOSM Ibu Pejabat, Wisma Minlon dan MBLS



**15 FEBRUARI 2019**

Sidang Akhbar Pengumuman KDSN Suku Keempat 2018, di Bank Negara Malaysia



**22 MAC 2019**

Kick-Off Kembara 62nd ISI World Statistics Congress (WSC) 2019, Kota Kinabalu Sabah



**2 APRIL 2019**

Mesyuarat Pemandu Banci 2020 yang dipengerusi oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara, DOSM Putrajaya



**10 - 11 APRIL 2019**

62nd ISI WSC 2019 Monthly Preparatory Meeting bersama ISI, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia



**15 APRIL 2019**

Seminar Ekonomi Negeri Selangor & Kick-Off Banci Perdagangan Borong dan Runcit (WRC) 2019, Shah Alam Convention Centre (SACC)



**17 MEI 2019**

Lawatan Rasmi Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), DOSM Putrajaya



**6 MEI 2019**

Sesi Interaktif Pengasasan Semula KDNK Malaysia (Tahun Asas 2015), di Dewan Mahkota, SME Corp., Kuala Lumpur;



**27 JUN 2019**

Forum Perdana Ehwal Islam TV1, Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak



**18 JUN 2019**

Kick-Off School Outreach SMK Bukit Changgang



**6 JULAI 2019**

Pelancaran Kelab Alumni Statistik (KLASIK) oleh Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan merangkap Penaung Kelab, di DOSM Putrajaya



**23 JULAI 2019**

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Hotel Zenith, Kuantan, Pahang



**24 JULAI 2019**

Kick Off Banci Percubaan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, bertempat di Kg. Ulu Beranang, N. Sembilan



**24 JULAI 2019**

Seminar Kependudukan Negeri Sembilan Bersama YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, bertempat di Klana Resort Seremban



**18 OGOS 2019**

World Stats (WSC) Run 2019, Dataran Merdeka Kuala Lumpur



**8 - 23 OGOS 2019**

62nd ISI World Statistics Congress (WSC) 2019, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)



**12 SEPTEMBER 2019**

Sesi Literasi Statistik bersama penduduk orang asli Tanjung Sepat, Kuala Langat, Selangor



**12 SEPTEMBER 2019**

Kunjungan Hormat daripada YB Nurul Izzah Anwar dan delegasi kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia, di DOSM Putrajaya



**7 OKTOBER 2019**

Kunjungan Hormat kepada YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman, Menteri Belia & Sukan, di Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya



**16 OKTOBER 2019**

Pelancaran Malaysian Digital Economy 2018, DOSM Putrajaya



**15 NOVEMBER 2019**

Majlis Menandatangani MoU antara DOSM dengan UniMAP, di Dewan Warisan Kangar, Perlis



## DOSM JOHOR



**24 FEBRUARI 2019**

Larian Menjunung Kasih sempena Sultan Ismail Bridge International Challenge Ride, Run & Walk



**28 FEBRUARI 2019**

Kunjungan Hormat kepada YB Sahibus Samahah Dato' Hj. Yahya bin Ahmad, Mufti Negeri Johor



**9 JULAI 2019**

Sesi penyerahan bendera ISI WSC 2019 daripada DOSM Pahang ke DOSM Johor di Jeti Maritim, Tanjung Gemuk, Rompin, Pahang

## DOSM KEDAH



**18 APRIL 2019**

Sesi Interaktif dan Stats Fun 2019 DOSM Kedah bersama pelajar SMK Ibrahim di SMK Ibrahim, Sungai Petani



**28 APRIL 2019 & 5 MEI 2019**

Pameran statistik dan promosi buku-buku terbitan DOSM di Youth Town, Sik Lestari anjuran DOSM Negeri Kedah



**16 OKTOBER 2019**

Stats Boot Camp 2019 bersama Pelajar Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) anjuran DOSM Kedah

## DOSM KELANTAN



**3 FEBUARI 2019**

Lawatan Kerja Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Senator Dr. Radzi Jidin ke DOSM Kelantan



**12 FEBUARI 2019**

Program Bual Bicara Radio Kelantan di RTM Kelantan



**MEI 2019**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Apresiasi Peringkat Zon Timur yang disempurnakan oleh YBhg. Dato Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia



## DOSM MELAKA



**21 FEBRUARI 2019**

Kunjungan hormat Pengarah DOSM Melaka ke Jabatan Penyiaran Melaka



**21 - 31 MAC 2019**

Khidmat Rundingan Statistik kepada Perbadanan Kraftangan Melaka di Dataran Menara Taming Sari, Melaka



**17 APRIL 2019**

Kunjungan hormat Pengarah DOSM Melaka ke Jabatan Mufti Melaka

## DOSM N. SEMBILAN



**18 MAC 2019**

Kunjungan Hormat oleh Panglima 1 Briged Pertama Infrantri Malaysia, Kem Rasah, Seremban



**24 JULAI 2019**

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bersama Pengarah DOSM Negeri Sembilan kepada YAB Dato' Seri Hj Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.



**12 SEPTEMBER 2019**

Lawatan Muhibbah dan Perbincangan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

## DOSM PULAU PINANG



**21 FEBRUARI 2019**

Sidang akhbar bagi membuat hebatan mengenai perlaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 di Bilik Seri Mutiara Aras 6, Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang



**14 - 17 OKTOBER 2019**

DOSM Pulau Pinang mengadakan pameran promosi bersempena persidangan Asia Pasifik Urban ke-7 di Pusat Konvensyen SPICE, Pulau Pinang anjuran bagi membuat hebatan mengenai Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020



**19 NOVEMBER 2019**

Sesi interaktif bersama penghulu dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (mpkk) Seberang Perai bagi Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020 di Auditorium Perpustakaan Awam Seberang Jaya, Pulau Pinang

## DOSM SABAH



**1 MEI 2019**

Ekspedisi Menakluki Gunung Kinabalu, DOSM Sabah 2019



**12 OKTOBER 2019**

Pertandingan Sudut Bacaan 2019 peringkat Negeri Sabah sempena Dekad Membaca Kebangsaan (DMK 2019)



**5 OKTOBER 2019**

Program Tawau StatsRun 2019 bertempat di Padang Bandaran, Tawau, Sabah

## DOSM SARAWAK



**21 FEBRUARI 2019**

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia kepada YB Tan Sri Dato Amar Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



**22 FEBRUARI 2019**

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara DOSM dan UNIMAS



**27 NOVEMBER 2019**

Kunjungan Hormat oleh Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia kepada YB Datuk Amar Jaul Samion, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

## DOSM TERENGGANU



**15 APRIL 2019**

Kunjungan Muhibah ke Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Kuala Terengganu



**11 NOVEMBER 2019**

Kunjungan Hormat daripada YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia ke Pejabat Menteri Besar Terengganu



**11 NOVEMBER 2019**

Lawatan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia ke Jambatan Angkat Terengganu Drawbridge





# **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI**



**Perjawatan**



**ILSM**

**Kursus dan Program Latihan**



**Pengiktirafan dan Pencapaian Anggota**

**Sesi Walkabout  
Ketua Perangkawan  
Malaysia**

# Perjawatan

Pada tahun 2019, daripada 3,184 perjawatan, sebanyak 2,923 telah diisi dengan pecahan seperti berikut:


\* Termasuk 40 jawatan kumpulan

Bil.	Kumpulan Perjawatan	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian	Peratus Pengisian
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	8	7	87.5%
2	Pengurusan dan Profesional	422	396	93.8%
3	Kumpulan Sokongan 1	2,628	2,417	92.0%
4	Kumpulan Sokongan 2	126	112	88.9%
<b>JUMLAH</b>		<b>3,184*</b>	<b>2,932</b>	<b>92.1%</b>

## Perjawatan dan Keanggotaan

Secara keseluruhannya, pada tahun 2019 Jabatan Perangkaan Malaysia mempunyai 3,184 perjawatan terdiri dari **1,017** perjawatan di Ibu Pejabat dan **2,167** perjawatan di peringkat Negeri. Bilangan pengisian anggota sehingga **31 Disember 2019** adalah pada kadar **93.7% (953)** di Ibu Pejabat dan **91.3% (1,979)** di peringkat Negeri.

## Bilangan dan Kadar Pengisian Anggota Mengikut Jantina



## Perjawatan Kader

Sebanyak **233** perjawatan kader perangkaan diwujudkan di pelbagai agensi kerajaan lain. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **198 (85.0%)** perjawatan telah diisi dan ditempatkan di kementerian/jabatan persekutuan. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan permohonan daripada agensi kerajaan berkaitan.

# Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)



## VISI

Menjadi institusi pembelajaran statistik yang unggul

## MISI

Memperkasa pembangunan modal insan yang cemerlang melalui pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif



Sepanjang tahun 2019, sebanyak 40 kursus dalaman telah dilaksanakan seperti berikut :

Bil.	Kategori Kursus	Bilangan Kursus	Bilangan Kehadiran
1.	Functional	26	909
2.	ICT	5	105
3.	Generik	9	294
4.	Behaviour	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>40</b>	<b>1,306</b>

## LATAR BELAKANG

Pembinaan ILSM yang dimulakan pada tahun 2009 ini telah siap sepenuhnya pada 28 Disember 2011 dan telah mula beroperasi pada 3 Januari 2012.



# Kursus dan Program Latihan

## Seminar Statistik: Mendepani Cabaran Dan Agenda Sustainable Development Goals (SDG) Nasional

### “Seminar Statistik Mendepani Cabaran dan Agenda Sustainable Development Goals (SDG) Nasional”

Merupakan seminar statistik ke-tiga yang telah diadakan pada **26 dan 27 Jun 2019** yang lalu bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia, Perak Darul Ridzuan. Seramai **154 orang** telah menyertai seminar ini termasuk anggota pengurusan tertinggi dan pegawai kanan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pendidikan (MOE), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tema **Sustainable Development Goals (SDG) Nasional** tersebut diketengahkan adalah selaras dengan peranan DOSM sebagai *focal* agensi dalam pembangunan SDG Nasional dan komitmen Malaysia diperingkat antarabangsa. Sebagai salah satu platform untuk menggerakkan agenda SDG peringkat nasional, seminar ini dilaksanakan dengan objektif seperti berikut :

- i. Memberi pendedahan dan pemahaman yang meluas berkaitan agenda SDG peringkat antarabangsa dan nasional;
- ii. Menggalakkan percambahan idea dan perkongsian ilmu dikalangan agensi dan stakeholders yang boleh dijadikan input dalam pembangunan indikator SDG; dan
- iii. Menyediakan platform untuk agensi berkongsi hasil kajian dan analisis yang merentasi pelbagai matlamat dan sasaran dalam agenda ini.



Seminar ini telah melibatkan **lima sesi pembentangan** yang ditetapkan berdasarkan kepada **kluster SDG** iaitu **Inclusivity, Well-Being, Human Capital, Environment and Natural Resources** dan **Economic Growth**. Selain itu, seminar juga telah menampilkan pembentangan khas oleh YB. Tuan Howard Lee Chuan How, Exco Belia, Sukan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Perak. Sepanjang seminar ini berlangsung, seramai 13 pembentang daripada kementerian/ agensi/ NGO telah menyampaikan dan berkongsi hasil kajian dan pengetahuan dalam bidang masing-masing. Manakala seramai lima pembentang DOSM turut terlibat dalam sesi tersebut di mana pegawai tersebut merupakan *champion* kepada kluster-kluster yang berkaitan.

## Kursus SCDP

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganjurkan sebanyak **lima (5) siri SCDP** bagi lantikan baru dengan penyertaan seramai **132 orang peserta**. Pelaksanaan SCDP adalah meliputi Bil.1/2019 bagi gred 41 dan gred 29, Bil.2/2019 bagi gred 41 dan gred 29, serta Bil.1/2019 bagi gred 19. Program SCDP ini telah menyediakan peserta melalui aspek pembentukan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) serta kepentingan ilmu pengetahuan (*knowledge*) yang merupakan latihan di peringkat pra-penempatan ini dalam memberi ruang dan peluang bagi peserta menyiapkan diri untuk memulakan tugas sebagai warga DOSM.



Manakala bagi **satu (1) siri SCDP Lantikan 10-12 tahun bagi gred E41/E44** pula dilaksanakan dengan penglibatan seramai **49 orang peserta**. Program ini diadakan dengan mengambil kira keperluan untuk menggilap kemahiran analitik dan berfikiran secara kognitif meliputi hubungkait antara pelbagai bidang statistik rasmi, meningkatkan perangkawan dengan kompetensi generik untuk membina kemahiran kepimpinan, pengurusan dan komunikasi dan memupuk budaya kerja DOSM yang berprestasi tinggi dan semangat kekitaan (*sense of belonging*) di kalangan perangkawan.

## Kolokium

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganjurkan **Kolokium Statistik dan Scientific Poster 2019** pada **26 dan 27 September 2019** bertempat di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia. Sesi ini dilaksanakan selama **dua (2) hari** yang melibatkan pembentangan sebanyak **21 kertas teknikal** yang dipecahkan kepada **enam (6) tema** iaitu Statistik Ekonomi, Pengurusan dan Komunikasi Data, Tenaga Buruh dan Kemiskinan, Jangkaan Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa serta Teknologi Spatial dan *Data Science*. Selain itu, program ini telah menjemput Prof. Madya Dr. Roslinazairimah Zakaria dari Pusat Sains Matematik (PSM), Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang selaku pembentang jemputan bagi sesi *Plenary*.



# Pengiktirafan & Percapaian Anggota DOSM

## Anugerah Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat 2019

### ● Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan Bagi **Tahun 2019**

Seramai **tiga orang anggota DOSM Kelantan** telah diperkenan oleh KDYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V untuk dikurniakan Anugerah Kebesaran Negeri Kelantan sempena Hari Keputeraan Baginda pada **11 November 2019**. Senarai anggota adalah seperti berikut:

1. En. Wan Adnan bin Wan Isa – Pingat Bakti (P.B)
2. En Sumariadi bin Che Mohd Zin – Pingat Perangai Baik (P.P.B)
3. Pn. Sutrah Binti Yaacob – Pingat Taat (P.T)

### ● Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Perlis Bagi **Tahun 2019**

Pada **14 November 2019**, Encik Kamal Effendy bin Abdul Rashid, Pembantu Perangkaan Gred E22 dari DOSM Perlis telah dianugerahkan Pingat Jasa Baik (P.J.B) sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail Ke-76 di Istana Arau.

### ● Penganugerahan Lantikan Pegawai Bersekutu CDERT-CUEPACS **Angkatan Pertahanan Awam Malaysia**

Tuan Haji Roslan Nordin, Presiden KEPP-STATS telah menerima anugerah Pegawai Bersekutu CDERT-CUEPACS Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang membawa gelaran Kapten Bersekutu (PA). Majlis Penganugerahan Lantikan Pegawai Bersekutu CDERT-CUEPACS Angkatan Pertahanan Awam Malaysia ini telah diadakan pada **25 Mac 2019** bertempat di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.



Sekalung Tahniah kepada Kapten Bersekutu (PA) Haji Roslan Nordin, Presiden KEPP-STATS di atas Penganugerahan Lantikan Pegawai Bersekutu CDERT-CUEPACS Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

# Sesi Walkabout

## Ketua Perangkawan Malaysia



Pada **4 Januari 2019**, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah melaksanakan **Sesi Walkabout ke semua Bahagian di Ibu Pejabat DOSM** termasuk di Wisma Minlon dan MBLS. Tujuan Sesi Walkabout ini diadakan adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara Ketua Perangkawan bersama warga DOSM. Sesi Walkabout ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial dan Pembangunan Teknikal, Puan Hajah Nazaria Baharudin dan Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi, Tuan Haji Ibrahim Jantan. Turut berlangsung adalah acara potong kek sempena tahun baru 2019, sesi suai kenal dan penyampaian amanat daripada Ketua Perangkawan Malaysia.

### **Aras 3 & 5:**

Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa  
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan  
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar  
Bahagian Pengurusan Maklumat

### **Aras 4:**

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

### **Aras 6:**

Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

Bahagian Perangkaan Tenaga, Manusia dan Sosial

### **Aras 7:**

Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa

Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data

Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

### **Aras 8:**

Bahagian Khidmat Pengurusan

### **Wisma Minlon:**

Bahagian Petunjuk Ekonomi

Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran

Bahagian Perangkaan Akaun Negara

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

Malaysian Bureau Labour Statistics (MBLS)

# Sesi Lawatan Rasmi Ketua Perangkawan Malaysia Ke DOSM Negeri

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan **lawatan kerja ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi (PO) di negeri sepanjang tahun 2019**. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat perkembangan kerja, berbincang mengenai aktiviti kerja survei dan menyampaikan amanat kepada warga DOSM di samping dapat beramah mesra dengan warga DOSM Negeri.

**Jadual Lawatan Rasmi ke DOSM Negeri 2019**

Bil.	Lokasi	Tarikh
1.	DOSM Melaka	15 Januari 2019
2.	Pejabat Operasi Muar, Johor	24 Februari 2019
3.	DOSM Sabah	29 April 2019
4.	DOSM Kelantan	2 Mei 2019
5.	DOSM Sarawak	9 Mei 2019
6.	Pejabat Operasi Bentong,Pahang	5 Julai 2019
7.	Pejabat Operasi Langkawi, Kedah	26 Oktober 2019
8.	DOSM Terengganu	3 November 2019
9.	DOSM Perak	17 November 2019





Jabatan Perangkaan  
M A L A Y S I A





SDGs

StatsBDA

Portal Banci &  
Stats Geoportal

Aplikasi Mudah Alih

MyIPCS

Stats Digital

StatsDW

i-MSBR

METS dalam Talian Versi 3 Fasa 2

OSL

Data Science Lab

MBCC

TEC

# MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

# BANCI MALAYSIA

# Sustainable Development Goals (SDG) Monitoring Dashboard



Dalam memastikan pelaksanaan SDG yang lebih berkesan, DOSM telah mengambil inisiatif dengan membangunkan **The National Sustainable Development Goals (SDG) Progress Monitoring System** dengan kerjasama United Nations Country Team (UNCT). Pembangunan dashboard ini merupakan satu inovasi dalam menyediakan infrastruktur teknologi bagi penyusunan pelbagai jenis data daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan komitmen dan sumbangan kepada SDG 2030. The National SDG Progress Monitoring System ini akan menjadi **One Stop Centre** untuk komunikasi maklumat mengenai petunjuk SDG dan menyediakan infrastruktur teknologi yang diperlukan bagi penyusunan pelbagai jenis sumber data.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebagai Lead Agency di Malaysia untuk SDG dan DOSM dilantik sebagai focal point dalam penyelesaian pembangunan indikator SDG yang memberi tumpuan kepada Pembangunan indikator SDG yang melibatkan **77 kementerian/agensi, NGO, dan sektor swasta**. Majlis Pelancaran **The National SDG Progress Monitoring System dengan kerjasama United Nations Country Team (UNCT)** telah diadakan pada **15 Mac 2019** di Hotel Pulse Grande, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBrs. Puan Zakiah binti Jaafar yang mewakili YBhg. Dato' KSU, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kehadiran Majlis ini adalah seramai **242 orang** yang terdiri daripada wakil Agensi/Kementerian, United Nations (UN), syarikat swasta, NGOs, Civil Society Organizations (CSOs) dan SDG Alliance.



# Projek Statistics Big Data Analytics (**StatsBDA**)



DOSM merupakan agensi kerajaan yang telah melaksanakan projek **Big Data** melalui STATSBDA. Projek STATSBDA ini bermula pada **Disember 2016** dan pembangunannya telah **selesai pada Mei 2018**. Projek STATSBDA ini telah memasuki fasa waranti yang akan **berakhir pada Februari 2020**.

Projek STATSBDA ini merangkumi **3 modul** iaitu **Trade by Enterprise Characteristics (TEC)**, **Price Intelligence (PI)** dan **Public Maturity on Official Statistics (PMAOS)**. Modul TEC merupakan integrasi di antara dua sumber data yang bersaiz besar iaitu data eksport import daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan *Malaysia Statistical Business Register*. Manakala, modul PI dan PMAOS bersumberkan *data online*. Modul PI merupakan modul yang menggunakan teknik *web crawling* untuk mendapatkan data harga barang *online* dan modul PMAOS melibatkan analisis sentimen yang diperoleh daripada *Facebook* dan *Twitter*.

Hasil daripada pelaksanaan projek STATSBDA ini, DOSM telah menerima permohonan daripada pelbagai agensi untuk berkongsi mengenai modul STATSBDA yang telah dibangunkan. Perkara ini menunjukkan DOSM mampu menjadi pemangkin (*catalyst*) kepada pembangunan projek *Big Data* di sektor awam. Penerokaan data pentadbiran mampu memperlihatkan pola dan trend terkini serta menyampaikan maklumat yang dapat membantu rakyat membuat sesuatu

keputusan. Pengukuhan budaya (*culture*) analitik merupakan elemen penting bagi DOSM dalam menjalankan peranan sebagai Peneraju Statistik Negara.



# Portal Banci dan *Stats Geoportal*

**Portal Banci dan *Stats Geoportal*** merupakan one stop centre bagi penyebaran maklumat pra, semasa dan pasca banci serta menyediakan platform pemantauan operasi. Objektif Portal Banci dilancarkan adalah sebagai pusat rujukan dan maklumat berhubung dengan penyebaran maklumat dan aktiviti-aktiviti banci secara berstruktur, sistematik dan berterusan kepada orang awam, manakala *Stats Geoportal* adalah sebagai pusat rujukan dan makluman berhubung dengan data dan maklumat analisa banci di dalam bentuk spatial secara interaktif.



Portal Banci dan *Stats Geoportal* telah dilancarkan pada **30 Mei 2018**, dan sehingga kini jumlah pelawat telah mencapai sebanyak **756,079**. Sebagai **persediaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020)**, beberapa modul telah dibangunkan sebagai sumber rujukan, hebaian aktiviti dan penyebaran data banci. Semua aktiviti banci akan dikemaskini di dalam galeri foto dan kalender banci secara berterusan.

Kedua-dua portal ini membolehkan pengguna dapat mengakses dan menjana data dengan lebih berkesan. Ia juga turut memperkasa serta memperkuatkkan penyampaian maklumat data banci dan data geospatial bagi kegunaan semua pengguna.

**Banci Percubaan 2019** yang dijalankan pada **24 Julai 2019 hingga 7 Ogos 2019**. Hebaian Banci Percubaan turut dilaksanakan melalui portal banci dengan paparan di *slider* paparan utama. Pautan **aplikasi e-Census** juga telah dikemaskini untuk pengisian soal selidik oleh orang awam secara dalam talian. Iklan pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi jawatan Penyelia dan Pembanci untuk Banci Percubaan juga telah dimuatnaik di portal banci, dan *button* serta kami **diaktifkan bermula dari 8 Julai 2019 hingga 15 Julai 2019**. Orang awam yang berminat untuk menjadi Penyelia dan Pembanci boleh membuat permohonan secara dalam talian dan juga dapat memilih tempat bancian yang dikehendaki.



Pengambilan PSH bagi jawatan Penyelia dan Pembanci untuk Banci 2020 juga akan dimuatnaik di portal banci.

Bagi mendapatkan lebih banyak maklumat dan berita yang terkini berkaitan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, sila layari [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau [www.mycensus.gov.my/geostats](http://www.mycensus.gov.my/geostats)



**Data Anda Masa Depan Kita!**

**Portal Banci dan Stats Geoportal** dibangunkan untuk menghasilkan pengurusan sistem maklumat Banci dan *Geographical Information System* (GIS) yang lebih fokus dan sistematik. Ia turut memperkasa serta memperkuuhkan penyampaian maklumat data banci dan data geospatial yang berterusan kepada orang awam, di samping menjadi platform kepada salah satu kaedah banci iaitu e-Census ([www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)). Portal Banci merupakan gerbang kepada keseluruhan aplikasi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) yang akan dilaksanakan oleh DOSM pada **7 Julai 2020**. Portal ini dibangunkan dan dihubungkan dengan Portal DOSM dengan fungsinya difokuskan kepada program Banci 2020.

# Aplikasi Mudah Alih (**Mobile Apps**) - MyLocal Stats versi II



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memperkenalkan **statistik di peringkat daerah** dalam bentuk infografik yang lebih mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Maklumat ini diperkenalkan melalui aplikasi mudah alih sistem interaktif yang dikenali sebagai **MyLocal Stats**. Aplikasi *MyLocal Stats* mempamerkan **petunjuk utama** seperti Penduduk, Pengangguran, Perdagangan Luar Negeri, Indeks Harga Pengguna, Indeks Pengeluaran Perindustrian, Pembuatan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar. Data tersedia pada frekuensi yang berbeza (contohnya bulanan, suku tahunan atau tahunan). *MyLocal Stats* versi II telah **dilancarkan pada 20 Oktober 2019**. Aplikasi versi terkini ini telah ditambah baik dengan tambahan pernan kepada **17 indikator**. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui **Google Play (Android)** dan **Apple Store (iOS)** dengan kata carian "DOSM". Sehingga **November 2019**, seramai **33,868 pengguna** telah menggunakan perkhidmatan atas talian *MyLocal Stats*.

Contact Us

Department of Statistics, Malaysia

Block C6, Complex C,

Federal Government Administrative Centre,

62514 Putrajaya.

Tel: [+603-8885 7000](tel:+60388857000)

Fax: [+603-8888 9248](tel:+60388889248)

E-mail:

info[at]dosm.gov.my (general enquiries)


data[at]dosm.gov.my (data request & enquiries)

Portal : [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)

MyLocal Stats dibangunkan selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 (Strategi 3: Memperkasa Sistem Penyampaian Statistik). MyLocal Stats merupakan sistem interaktif yang membolehkan pengguna mengakses statistik sehingga di peringkat daerah dengan mudah melalui laman web DOSM dan aplikasi telefon pintar bagi tujuan kajian, perancangan pembangunan tempatan dan sebagainya.



# MyIPCS



United Nation (*Principles and Recommendation for Population and Housing Censuses, Revision 3*)



**MyIPCS** merupakan kerangka kerja bersepada yang meliputi semua aktiviti yang akan dilaksanakan dalam **Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020**. MyIPCS bertujuan mewujudkan sistem banci berpusat dan menyeluruh yang menyediakan rangka kerja seragam dan bersepada meliputi proses pra-pengumpulan data, pengumpulan, pemprosesan, analisis dan penyebaran produk statistik. MyIPCS merupakan inovasi terkini dalam pelaksanaan Banci 2020 bagi memastikan data banci dapat dihasilkan dengan lebih cepat bagi kegunaan perancangan dan pembangunan negara. Modenisasi sistem ini selaras dengan saranan oleh *United Nation (Principles and Recommendation for Population and Housing Censuses, Revision 3)*.

## Stats Digital

Makmal Pendigitalan Penerbitan DOSM atau dikenali sebagai **StatsDigital** adalah satu platform atau hub simpanan softcopy naskhah penerbitan DOSM yang lama dan baharu bagi tujuan rujukan kepada anggota Jabatan dan pengguna luar. StatsDigital juga berfungsi sebagai **medium untuk mengakses penerbitan DOSM dengan cara yang lebih mudah dan mesra pengguna**.

Pendigitalan penerbitan yang dijalankan adalah di bawah projek Modernisasi Pendigitalan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dianggarkan lebih 3,000 penerbitan lama DOSM tidak dapat dikesan keberadaannya. Proses menjelak semula penerbitan ini telah dijalankan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) pada awalnya. Seterusnya Jabatan mula membangunkan sistem pendigitalan penerbitan dengan menggunakan teknologi terkini bagi menyimpan semua penerbitan DOSM terdahulu hingga terkini.

Selaras dengan itu, makmal pendigitalan dibina dan dilengkapi dengan mesin pengimbas berteknologi tinggi yang mampu mengimbas pelbagai jenis tulisan dan saiz selain perisian yang pelbagai bagi tujuan suntingan dan *data extraction*. Nilai tambah projek bukan hanya menghasilkan penerbitan dalam bentuk e-book tetapi juga data yang akan diekstrak daripada hasil imbasan, kemudiannya diterjemah dalam bentuk jadual (excel, csv) dan data set.



# StatsDW 2.0

StatsDW merupakan **Enterprise Data Warehouse** (EDW) DOSM. Ia menyimpan data lampau seawal tahun 1974 daripada pelbagai banci dan survei yang dijalankan oleh DOSM. StatsDW ini membolehkan akses yang cepat dan mudah kepada data yang disimpan (contohnya: data siri masa) dan memudahkan akses yang lebih luas kepada pengguna mengikut keperluan pengguna dan tahap akses yang dibenarkan. Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan *platform* interaktif melalui *eDataBank*, *Data Visualisation* dan *Location Intelligence* di mana pengguna boleh meneroka dan menggunakan secara terbuka.

Bagi memastikan fungsi StatsDW terus berkembang dan memenuhi keperluan pengguna yang semakin dinamik, pembangunan StatsDW 2.0 telah dimulakan pada tahun 2019. **Majlis Kick Off StatsDW 2.0** telah diadakan pada **26 September 2019** dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin di Institut Latihan Statistik Malaysia Sungkai, Perak. **Bengkel StatsDW 2.0 Pra-User Business Requirement Specification (UBRS)** telah diadakan pada **24 Oktober 2019** di Dagang Net Tower, Cyberjaya. Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada Bahagian Butiran Perkara (BBP) berkaitan data di bawah kawal selia Bahagian masing-masing serta memperincikan peranan BBP dan DOSM Negeri dalam pembangunan projek StatsDW 2.0. Seterusnya **Bengkel StatsDW 2.0 UBRS 1** telah diadakan pada **12 hingga 14 November 2019** di Palm Garden Golf Club, IOI Resort yang bertujuan untuk menghasilkan draf UBRS bagi Projek StatsDW 2.0, memastikan spesifikasi yang dikehendaki oleh Jabatan dapat difahami dengan jelas oleh kontraktor yang dilantik dan mendapatkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada BBP dan ahli pasukan.



Majlis Kick Off StatsDW 2.0  
26 September 2019



Bengkel StatsDW 2.0 Pra-User Business Requirement Specification (UBRS), Dagang Net Tower, Cyberjaya pada 24 Oktober 2019



# Interaktif Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR)

i-MSBR merupakan aplikasi perkhidmatan dalam talian berbentuk visual interaktif yang dibangunkan berdasarkan senarai pertubuhan di MSBR. Ia mengandungi statistik pertubuhan aktif yang beroperasi di Malaysia merangkumi *Register of Company* (ROC), *Register of Business* (ROB) dan LLP. i-MSBR telah dilancarkan pada **26 September 2019** bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkauan Malaysia.

## What is MSBR

Malaysia Statistical Business Register (MSBR) is a list of establishments/ enterprises operating in Malaysia which encompasses Register of Companies (ROC), Register of Businesses (ROB) and Limited Liability Partnerships (LLP) that registered with Companies Commission Malaysia (CCM) as well as establishments that are registered with local authority and professional bodies.



### SECTOR/ SUB-SECTOR INVOLVED



MANUFACTURING



MINING & QUARRYING



CONSTRUCTION



SERVICES



WHOLESALE & RETAIL TRADE




AGRICULTURE



# METS Atas Talian Versi 3 Fasa 2


**Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian (METS Atas Talian)** dibangunkan untuk membekalkan pengguna dengan perangkaan perdagangan luar negeri (barang) (PPLN) antara Malaysia dengan negara-negara lain. **METS Online versi yang pertama** telah dilancarkan pada **Disember 2010** dengan jadual yang telah ditetapkan mengikut kod produk sehingga *Harmonised System (HS) 4-digit* dan *Standard International Trade Classification (SITC) 3-digit*. Pada bulan **September 2014, versi baru METS Online (Versi 2) telah dilancarkan** yang membolehkan pengguna mengakses kod produk sehingga HS 6-digit/ SITC 5-digit dan lebih interaktif.

**METS Online Versi 3** telah dilancarkan pada tahun **2018** yang dikembangkan dari Versi 2 dengan pemilihan kod produk sehingga kod tarif yang paling terperinci (HS 10-digit dan SITC 9-digit). Dengan penambahbaikan ini, pengguna boleh memilih sehingga **11,700 kod produk** berbanding dengan **5,200 kod** dalam versi terdahulu (*METS Online* hanya terdapat dalam versi Bahasa Inggeris). Bagi menambahbaik sistem *METS Online* Versi 3 mengikut keperluan semasa, **Kick-Off Projek Mets Online Fasa II** telah diadakan pada **11 Oktober 2019**.



The screenshot shows the homepage of the METS Online website. At the top, there is a banner featuring the Malaysian coat of arms, the text "Jabatan Perangkaan MALAYSIA", and the title "METS ONLINE". To the right of the banner, it says "Malaysia External Trade Statistics" and "Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia". Below the banner, there is a navigation menu with links for "Home", "Statistics", and "Contact us". A "USER MANUAL" icon is also present. The main content area displays two download links: "Exports, Imports, Total Trade And Trade Balance, 1990 - 2012" and "Exports And Imports By SITC 1-Digit, 1990 - 2012", each accompanied by an "EXCEL" icon and a "Download here" link. At the bottom of the page, there is a footer with copyright information: "© 2014 Department of Statistics MALAYSIA", "Block C6, Complex C, Federal Government Administrative Centre, 62514, PUTRAJAYA. Tel: +603 8885 7000 | Fax: +603 8888 9248", and "Minimum requirement Internet Explorer 8.0+, Mozilla Firefox or Google Chrome with resolution 1024x768 or higher". There is also a "Disclaimer" link at the very bottom.

# Online Self Listing (OSL)



DOSM berperanan sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara. Salah satu peranan DOSM ialah membangun dan mengemaskini rangka isi rumah bagi persediaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia serta survei berkaitan isi rumah.

Bagi persediaan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) melalui mod pembancian secara dalam talian (e-Census), elemen inovasi untuk memodenkan kaedah penyenaraian telah dibangunkan. Modenisasi kaedah pungutan data tempat kediaman dan isi rumah melalui *DOSM Smart Listing* (DSL) adalah merupakan salah satu modul dalam *Malaysia Integrated Population Census System* (MyIPCS) serta merupakan salah satu kaedah pengumpulan data tempat kediaman dan isi rumah

melalui sistem dalam talian. **Online Self Listing (OSL)** merupakan pengisian dan penghantaran maklumat penyenaraian yang diisi sendiri oleh responden yang melibatkan pengisian/pengemaskinian maklumat tempat kediaman, ketua isi rumah dan ahli isi rumah.

**OSL telah dilaksanakan secara berperingkat** iaitu bermula dengan penglibatan warga DOSM dan kemudian telah diperluaskan kepada **37 agensi terpilih** melalui sumber maklumat dalam HRMIS yang melibatkan **50,106 valid email dengan kadar respon sebanyak 80.0 peratus**. Sasaran utama pelaksanaan bancian dalam talian (e-Census) pada tahun 2020 adalah penjawat awam di seluruh negara.

# Data Science Lab

**Data Science Lab** yang bertempat di Aras 7, Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia adalah **salah satu inisiatif di bawah projek STATSBDA**. Makmal ini merupakan ruang kerja guna sama dengan empat (4) komputer yang dilengkapi dengan perisian seperti **SAS, R Studio, SPSS, STATA dan Tableau** bagi tujuan data analitik dan visualisasi. *Data Science Lab* ini boleh diguna pakai oleh warga DOSM dan juga agensi lain yang berminat. Majlis Perasmian Makmal Data Saintis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia pada 21 Mac 2019.

Sepanjang 2019, *Data Science Lab* telah menerima kunjungan daripada pelbagai pihak. Selain daripada warga DOSM, *Data Science Lab* turut dikunjungi oleh agensi kerajaan, swasta, universiti dan delegasi daripada luar negara. Antaranya Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, delegasi daripada China dan Azerbaijan.





## Malaysia Business Cycle Clock (MBCC)

MBCC merupakan inovasi DOSM untuk **menggambarkan secara visual Indeks Pelopor (IP) dan Indeks Serentak (IS) yang telah diterbitkan secara bulanan**. IP mengukur jangkaan hala tuju keseluruhan aktiviti ekonomi untuk masa hadapan. Indeks ini berupaya memberikan isyarat awal arah tuju ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan. Manakala, IS adalah ukuran komprehensif terhadap prestasi ekonomi semasa. Ia juga merupakan gambaran kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar bulanan. MBCC digunakan untuk memantau prestasi ekonomi Malaysia secara bulanan dalam membantu penggubal dasar, pelabur, penyelidik serta masyarakat umum untuk menjangka arah aliran ekonomi dalam masa terdekat.



Pembangunan MBCC ini setanding dengan inisiatif National Statistical Office (NSO) lain seperti *Netherlands Business Cycle Tracer*, *Korea Business Cycle Clock* dan *OECD Business Cycle Clock*. Ia memberi dimensi baharu kepada pengguna untuk memahami pergerakan kitaran ekonomi secara visual dan mesra pengguna berbanding melihat data siri masa. Bagi memastikan kebolehpercayaan statistik yang dikeluarkan, penyusunan indeks ini menepati garis panduan

yang disarankan oleh *Business Cycle Indicators Handbook*, *The Conference Board*.

**Majlis pelancaran MBCC** in telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawalan Malaysia pada **5 Disember 2019** bertempat di DOSM, Putrajaya. Majlis tersebut dihadiri oleh **110 peserta** yang terdiri daripada pegawai kerajaan dan penyelidik.

# Trade by Enterprise Characteristics (TEC)

TEC dibangunkan di bawah projek *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA) yang merupakan inisiatif dalam **mengintegrasikan dua domain statistik berbeza** iaitu pangkalan data perdagangan barang antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR).

Inisiatif oleh DOSM, ini memberi nilai tambah kepada statistik perdagangan antarabangsa sedia ada tanpa perlu melaksanakan survei baru.

Melalui TEC statistik perdagangan antarabangsa yang lebih komprehensif mengikut negeri dapat disediakan bagi kemudahan pembuatan dasar, penganalisisan perdagangan antarabangsa dan penyelidik.



5 Disember 2019 – Majlis pelancaran TEC oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawatan Malaysia





# KOMUNIKASI STATISTIK



Kunjungan Hormat dan Kunjungan Muhibah



Memorandum Persefahaman (MoU)



Medium Penyebaran Statistik


Statistik Bersama Komuniti

# Medium Penyebaran Statistik

DOSM menggunakan pelbagai **medium komunikasi** untuk menyebarkan statistik rasmi negara kepada masyarakat umum. Antaranya, mengeluarkan penerbitan dalam bentuk *hardcopy* (penerbitan bercetak) dan muat turun percuma melalui eStatistik yang terdapat dalam portal DOSM, penggunaan media sosial iaitu **Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube (@StatsMalaysia)** dan **aplikasi mudah alih (MyLocal Stats dan Bizcode@Stats)**.

- Penerbitan (Data Bulanan, Suku Tahunan, Tahunan, Ad Hoc/Lain-Lain)
- Portal ([www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my), eStatistik)
- Media Sosial (@StatsMalaysia, @MyCensus)
- E-mel (info@dosm.gov.my, data@dosm.gov.my)
- Aplikasi Mudah Alih (MyLocal Stats, Bizcode@Stats)

Selain itu, masyarakat umum boleh memperoleh indikator utama ekonomi, penduduk dan sosial melalui perkhidmatan WhatsApp dan e-mel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, duta-duta, Kesatuan Sekerja serta kepada pengetua sekolah seluruh negara.





# Elektronik dan Media Sosial

Komunikasi strategik menjadi alat pengukuran yang penting dalam pengukuhan citra DOSM dan penyampaian secara komprehensif. Justeru, penggunaan teknologi digital dan media sosial menjadi wahana yang kritikal dalam membentuk pendekatan komunikasi semasa yang menepati situasi dan kumpulan sasaran masa kini.

Sehingga Disember 2019, DOSM mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti berikut: **Facebook (22,947)**, **Twitter (4,079)** dan **Instagram (3,241)**. Facebook merupakan jaringan sosial yang paling popular sepanjang 2019, dengan lebih **3,046 posting**, jumlah *LIKE* Facebook rasmi DOSM telah meningkat kepada **22,204** berbanding **13,950** yang direkodkan pada tahun **2018**.



Realiti hari ini menampakkan ledakan media sosial dan rangkaian teknologi banyak mempengaruhi landskap komunikasi dan penyampaian maklumat. Justeru itu, kita perlu memanfaatkan kelebihan media sosial untuk meraih maklum balas dan mendapatkan idea baharu dan relevan dengan perkembangan masa kini. Melalui media sosial, kita banyak berkongsi maklumat yang informatif dan terkini, menyampaikan dan menyebarkan penerbitan statistik serta meluaskan penyebaran ilmu untuk manfaat masyarakat. Justeru, media sosial dan rangkaian teknologi aplikasi seumpama ini mestilah menjadi instrumen dan wahana DOSM untuk mencerna informasi atau mendengar cadangan yang amat berguna bagi penambahbaikan yang berterusan, dan sekali gus menjadikan DOSM terus relevan di peringkat nasional dan antarabangsa.

DOSM  
2,224 Tweets  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA OFFICIAL TWITTER  
Follow

Putrajaya, Malaysia · Joined September 2012  
167 Following · 6,762 Followers

Tweets · Tweets & replies · Media · Likes

# Aplikasi Dalam Talian @ Portal DOSM

Domain Portal Rasmi DOSM boleh dilayari melalui [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my). Sehingga Disember 2019, portal ini telah dikunjungi lebih daripada **120 juta** pelawat. Portal yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian ini memudahkan capaian statistik oleh pengguna.

**1,546,040** transaksi eStatistik (*login*) dengan **1,587,478** transaksi muat turun percuma penerbitan DOSM (termasuk permintaan data)



**144,198 transaksi Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Dalam Talian (METS Dalam Talian)**

Statistik perdagangan luar negeri (barang) antara Malaysia dengan negara lain.



**21,346 transaksi Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)**

Informasi setempat data sosial dan ekonomi.



**13,566 transaksi MalaysianInfo**

Matlamat Pembangunan Milenium (MDG), Statistik Sosial, Statistik Kanak-kanak dan Gender Info.

**64,831 transaksi Population Quick Info**

Siri masa data penduduk mengikut negeri, kumpulan, etnik, umur dan jantina.



**9,794 transaksi STATS Geoportal**

Informasi mengikut tema data penduduk, demografi, sosial dan ekonomi di pelbagai peringkat geografi.



**74,328 transaksi Sistem Carian MSIC (eMSIC) 2008**

Carian kod industri MSIC 2008 Ver 1.0



# Stats Alert 2019



“Bagi tujuan literasi statistik dalam bentuk yang lebih mudah difahami umum dan dekat dengan hati pengguna, sepanjang tahun 2019, DOSM juga telah menerbitkan sebanyak **237 Stats Alert** iaitu statistik dalam bentuk infografik dengan purata sebanyak **20 Stats Alert** sebulan.”

Ini termasuk juga hebahan penerbitan pada setiap keluaran kepada lebih **6,000 penerima** iaitu melalui e-mel terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Kedutaan Malaysia di luar Negara, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, pengetua, guru besar dan lain-lain lagi. (**Stats Alert merupakan ringkasan utama**, maklumat penting, ringkasan hasil penemuan dan infografik yang lebih mudah difahami pengguna).

# PocketStats 2019

Idea pengeluaran **Buku PocketStats** ini terhasil semasa Mesyuarat Pembentangan KDNK Suku Ketiga Tahun 2018 kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada **14 November 2018** di mana DOSM telah diminta untuk menyedia dan membekalkan Laporan Kemajuan dan Prestasi Ekonomi Malaysia bagi setiap suku tahun kepada semua Ahli Jemaah Menteri.



Justeru itu, **PocketStats Siri 1 (Suku Ketiga 2018)** telah dikeluarkan pada **16 November** dan **PocketStats Siri 2 (Tahun 2018)** diterbitkan pada **31 Disember 2018**. Isi kandungan PocketStats adalah:

- Indikator Utama;
- Indikator Sosial;
- Indikator Ekonomi;
- Indikator Lain;
- Infografik Negeri; dan
- Indikator Mengikut Negara Terpilih.

## Newsletter

Sepanjang 2019, sebanyak **14 newsletter** berkaitan overview produk dan penerbitan Jabatan telah dikeluarkan secara atas talian. Newsletter ini memuatkan maklumat ringkas dan pengetahuan am bagi produk dan penerbitan terpilih termasuk teknologi dan modul yang telah dibangunkan oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri di Jabatan Perangkaan Malaysia. Antara terbitan Newsletter adalah berkaitan dengan:

- Sampling;*
- Malaysian Statistical Business Register (MSBR);*
- StatsBDA;*
- Program Literasi Statistik;*
- Balance of Payments at a Glance;*
- Business Tendency Statistics;*
- Big Data;*
- Supply & Use Table (SUT);* dan banyak lagi.

# Statistik Bersama Komuniti

## Seminar Ekonomi Negeri Selangor & **Kick Off WRC 2019**

**Seminar Ekonomi Negeri Selangor** telah diadakan satu sesi forum bertemakan "Smart Selangor: Mengoptimumkan potensi, memacu kemakmuran ekonomi" telah diadakan pada **24 April 2019** bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam, Selangor. Seminar diadakan bersempena dengan **Majlis Kick Off Banci Perdagangan Borong dan Runcit (WRC) 2019**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor. Majlis Kick Off yang diadakan di negeri Selangor ini adalah sangat bertepatan kerana prestasi cemerlang negeri ini sebagai kuasa ekonomi terbesar di Malaysia. Majlis ini merupakan wadah penting bertujuan memupuk kesedaran, pendedahan dan kefahaman kepada pertubuhan perniagaan serta komuniti tentang kepentingan statistik Perdagangan Borong dan Runcit kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pelancaran majlis ini menandakan bermulanya kerja-kerja pungutan data yang dijalankan sehingga **September 2019** di seluruh negara oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Sejumlah **310 orang tetamu** telah menghadiri majlis ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, wakil syarikat-syarikat yang terlibat dengan WRC 2019, penganalisis ekonomi, wakil agensi serta wakil media. Turut hadir dalam majlis ini adalah Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Dato' Nor Azmie Diron; Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin; Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial & Pembangunan Teknikal, YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin dan Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi, YBrs. Tuan Haji Ibrahim bin Jantan. Majlis ini telah mendapat liputan yang luas daripada media seperti BERNAMA, Selangor Kini dan TV Selangor.



## Seminar Kependudukan Negeri Sembilan Bersama YAB Dato' Seri Hj Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan

Seminar ini telah diadakan pada **24 Julai 2019** bertempat di Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan. Majlis ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Hj Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Objektif seminar adalah sebagai perkongsian statistik mengenai kependudukan Negeri Sembilan di samping **memaklumkan pelaksanaan Banci Percubaan** yang bermula **24 Julai hingga 7 Ogos 2019** di seluruh negara. Program ini juga disejalankan dengan pelancaran buku "My Local Stats" Negeri Sembilan 2018 dan Laporan Sosioekonomi Negeri Sembilan 2018. Seminar ini telah dihadiri oleh **250 peserta** yang terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri dan Pengurus-pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Seminar ini turut merupakan platform bagi mempromosikan Banci Percubaan 2019 kepada rakyat Negeri

Sembilan. Banci Percubaan 2019 meliputi **650 tempat kediaman** dan **3,200 orang penduduk** yang terdiri daripada beberapa daerah terpilih iaitu Seremban, Port Dickson, Jelebu, Jempol dan Tampin.



## International Symposium Data Science

Symposium on Data Science and Official Statistics telah diadakan pada **15-17 Ogos 2019** di Sasana Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur. Symposium ini merupakan program anjuran bersama UNSD, UNESCAP dan UN Global Working Group on Big Data for Official Statistics. Ia merupakan platform untuk meningkatkan pengetahuan dan berkongsi pengalaman dengan negara maju dalam pembangunan projek Big Data. Symposium ini telah dihadiri oleh **138 peserta** daripada pelbagai agensi di dalam dan luar negara.

Seramai **16 speakers** telah membentang dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mereka dalam bidang Big Data dalam penjanaan statistik rasmi. Tajuk yang dibentangkan adalah:

- a. **Data Innovation in Official Statistics** (Ronald Jansen, UNSD);
- b. **UN Global Working Group on Big Data for Official Statistics** (Niels Ploug, Statistics Denmark);
- c. **What is the UN Global Platform and how does it work?** (Mark Craddock and Gavin Phillips, ONS, UK);
- d. **Modernization of official statistics in Asia & Pacific** (Gemma Van Halderen, Director, Statistics Division, UNESCAP);
- e. **Trade by Enterprise Characteristics: Malaysia Experience on Trade Database and MSBR Linkage** (Jamaliah Jaafar, International Trade Statistics Division, for Chief Statistician, Department of Statistics, Malaysia);
- f. **Experience from Korea. KOSTAT's Big Data Strategies and Projects** (Ms Jiyoung Lee, Deputy Director of the Big Data and Statistics Division, Statistics Korea);
- g. **Introduction to the Use of Big Data in Official Statistics of China** (Ms. Wang Wanna, Director, Division of General Affairs, Data Management Centre, National Bureau of Statistics of China and Ms. Zha Ruixian, Program Officer, Division of Multilateral Relations, Department of International Cooperation, National Bureau of Statistics of China);
- h. **New paradigm for compiling official statistics** (Bertrand Loison, FSO Switzerland);
- i. **Capacity development strategy and opportunities** (Dominik Rozkrut, Statistics Poland);
- j. **Building Capacity at Data Science Campus** (Louisa Nolan, ONS, UK);
- k. **Malaysia Earth Observation Projects** (Azlikamil Napiah, Malaysian Remote Sensing Agency);
- l. **Projects on UN Global Platform** (Ronald Jansen, UNSD);
- m. **Human Mobility Projects** (Ronald Jansen, UNSD; Erki Saluveer, Positium; Titi Lestari, BPS Indonesia; and Siim Esko, Positium)





## Sesi Literasi Statistik Bersama Komuniti

Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dilaksanakan oleh DOSM sebagai salah satu aktiviti menyantuni dan mendekati masyarakat. Antara program CSR yang telah diadakan adalah: menyantuni golongan gelandangan di Klang dan Port Klang, program menyantuni alam sekitar di Jeti Beting Beras Basah, Bagan Datoh, Perak, Program Taawun Perdana Komuniti di Felda Sungai Klah, Sungkai, Perak, Sesi Literasi Statistik bersama Penduduk Orang Asli Tanjung Sepat.

## Statistics talk

Program *Statistics Talk* merupakan sesi perkongsian maklumat dan pertukaran idea berkaitan statistik, di samping memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh DOSM. Program ilmiah ini diadakan untuk warga universiti serta agensi kerajaan yang mempunyai perjanjian persefahaman (MoU) dengan DOSM atau dilaksanakan atas permintaan daripada agensi luar. Program yang dianjurkan di luar DOSM ini bertujuan untuk meningkatkan literasi statistik di kalangan pengguna data dan diharapkan dapat meningkatkan kemahiran untuk menggunakan statistik rasmi negara bagi keperluan pembelajaran dan pekerjaan.

1. **21 Mac 2019** - Universiti Kebangsaan Malaysia (DOSM @ a Glance)
2. **22 Mac 2019** - BERNAMA (Statistik Kependudukan)
3. **16 April 2019** - Universiti Malaysia Terengganu (Pengenalan Pengurusan Survei dan Banci)
4. **15 Oktober 2019** - Parlimen Malaysia (Concept & Interpretation of Gross Domestic Products)
5. **23 Oktober 2019** - Universiti Putra Malaysia (DOSM @ a Glance & Penduduk dan Demografi)



**Statistics Talk @ Parlimen** adalah edisi khas yang telah diadakan di Bangunan Utama Parlimen Malaysia pada **15 Oktober 2019**. Ia bertujuan untuk meningkatkan literasi dan analitikal statistik di kalangan Ahli Parlimen dan memberi kefahaman kepada mereka dalam mentafsir statistik DOSM dengan cepat dan tepat. Sesi ini dihadiri oleh **84 peserta** yang terdiri daripada Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Yang Dipertua Dewan, Pegawai Khas Menteri/Timbalan Menteri dan Penyelidik Parlimen Malaysia. Antara topik yang dikongsikan adalah "Insight of Malaysia Economy" yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

## Lawatan Sambil Belajar

Sepanjang tahun 2019, DOSM di Ibu Pejabat telah menerima sebanyak **12 lawatan akademik** yang terdiri daripada **8 Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam** dan **4 IPT Swasta**. Secara keseluruhan, seramai **521 peserta** terlibat yang terdiri daripada **32 pensyarah dan 489 pelajar**. Program ini melibatkan pelajar daripada pelbagai jurusan seperti bidang ekonomi, perakaunan, kesihatan awam, pengurusan perniagaan, ukur bahan, sains, teknologi maklumat dan kewangan.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan, meningkatkan kefahaman pelajar dan berkongsi pengalaman DOSM dalam mengumpul, memproses dan penyebaran statistik rasmi negara. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu platform bagi literasi statistik di kalangan masyarakat umum khususnya golongan belia dan pelajar.

<b>24 Januari 2019</b>	Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak
<b>20 Februari 2019</b>	INTEC Educational College, UiTM Shah Alam
<b>4 Mac 2019</b>	UiTM Kampus Sungai Buloh
<b>4 Mac 2019</b>	Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
<b>14 Mac 2019</b>	Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
<b>11 April, 2 Mei &amp; 21 November 2019</b>	Management and Science University
<b>18 April 2019</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>25 April 2019</b>	Universiti Selangor
<b>25 April 2019</b>	Universiti Teknologi Mara Kampus Machang
<b>2 Mei 2019</b>	Asia Pacific University of Technology and Innovation
<b>23 Mei 2019</b>	Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>18 Jun 2019</b>	INTI International College



## Program Bersama Sekolah

DOSM juga telah mengadakan **School Outreach Programme** sempena Sambutan 70 tahun DOSM, Malaysia sebagai tuan rumah kepada penganjuran persidangan *International Statistical Institute World Statistics Congress 2019*, Hari Statistik Negara 2019, Banci Perdagangan Edaran 2019 dan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang melibatkan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Harian di semua negeri seluruh Malaysia. *Soft Launch School Outreach Programme* telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia. Majlis Kick Off *School Outreach Programme* telah diadakan di SMK Bukit Changgang, Banting Selangor bersama DOSM Selangor. Pengisian aktiviti adalah seperti *Stats Boot Camp*, *Stats Talk*, Kuiz Statistik, pameran dan lukisan mural.

## Pameran

DOSM juga menerima jemputan daripada agensi luar untuk menyertai program seperti pameran yang membolehkan DOSM meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang penggunaan statistik di kalangan pengguna dan masyarakat. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mempromosi produk Jabatan, survei dan bantuan yang sedang dan akan dijalankan. Terdapat pelbagai pengisian semasa sesi pameran diadakan antaranya seperti pengenalan kepada kaedah dan aplikasi statistik, kuiz statistik, silang kata dan sebagainya. Antara pameran yang telah disertai oleh DOSM sepanjang 2019 adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Tempat	Pameran/Majlis*
1.	18-19 Februari	KLCC	<i>Malaysia Urban Forum (MUF) 2019</i>
2.	15 Mac	Pulse Grande Hotel, Putrajaya	<i>Majlis Pelancaran National SDG Data Monitoring Dashboard</i>
3.	30 Mac	UiTM, Shah Alam	<i>Seminar Institut Statistik Malaysia Ke-13 Anjuran FSKM, UiTM</i>
4.	24 April	SACC Mall, Shah Alam	<i>Seminar Ekonomi Negeri Selangor &amp; Majlis Kick-Off WRC 2019</i>
5.	27-28 April 2019	Stadium Shah Alam	<i>Karnival Jom Heboh Shah Alam</i>
6.	6 Mei	SME Corp, KL Sentral	<i>Sesi Interaktif Pengasasan Semula KDNK Malaysia</i>
7.	18 Jun	SMK Bukit Changgang, Banting, Selangor	<i>Sesi Off School Outreach Programme</i>
8.	26-27 Jun	ILSM, Sungkai, Perak	<i>Seminar Statistik Kali Ke-3 (2019): Mendepani Cabaran Dan Agenda Sustainable Development Goals (SDG) Nasional</i>
9.	3-6 Julai	KLCC	<i>Expo ARCHIDEX 2019</i>
10.	24 Julai	Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan	<i>Seminar Kependudukan Negeri Sembilan</i>
11.	26-27 Julai	Plaza Angsana, Johor Bahru	<i>Karnival Jom Heboh Johor Bahru</i>
12.	18-23 Ogos	KLCC	<i>62nd ISI WSC 2019</i>
13.	7-8 September	Stadium Likas, Kota Kinabalu	<i>Karnival Jom Heboh Kota Kinabalu</i>
14.	27 September	EQ Hotel, KL	<i>World Tourism Day 2019 (WTD)</i>
15.	14-17 Oktober	SETIA SPICE Convention Centre	<i>Seventh Session Asia – Pacific Urban Forum (APUF7) Exhibition</i>
16.	18-20 Oktober	Dewan Jubli Intan Muar	<i>Hari Statistik Negara</i>
17.	6-7 November	KLCC	<i>SDGs Summit 2019</i>
18.	22 November	Sport Arena UNITEN	<i>Sukan Antara Agensi Anjuran MEA/DOSM</i>

# Kunjungan Hormat dan Muhibah

DOSM juga telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, universiti serta organisasi antarabangsa dan delegasi. Selain itu, lawatan muhibah juga diadakan ke agensi dan organisasi luar. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama dengan agensi yang terlibat.

11 Januari 2019

**Kementerian Luar Negeri (KLN)**

14 Januari 2019

**SME Bank**

22 Januari 2019

**Georgetown University**

25 Januari 2019

**GOPA Worldwide Consultants**

25 Januari 2019

**Kementerian Sumber Manusia (MOHR)**

28 Januari 2019

**Malaysia Productivity Corporation (MPC)**

28 Januari 2019

**World Bank**

15 Februari 2019

**Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)**

25 Februari 2019

**Kumpulan Karyawan**

20 Mac 2019

**Radio Television Malaysia (RTM)**

26 Mac 2019

**Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)**

27 Mac 2019

**Shapers Malaysia Sdn. Bhd.**

2 April 2019

**Halal Industry Development Corporation (HDC)**

3 April 2019

**KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.**

9 April 2019

**Cnopsis Solution Sdn. Bhd.**

24 April 2019

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian (KSU MOA)**

25 April 2019

**Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat (KPWKM)**

27 Mei 2019

**Dewan Perdagangan ASEAN**

18 Jun 2019

**Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),  
Jabatan Perdana Menteri**

3 Julai 2019

**UN-Habitat**

16 Julai 2019

**Syarikat Mercantile Shared Services Sdn. Bhd.**

17 Julai 2019

**SIRIM Tech Venture Sdn. Bhd.**

26 Ogos 2019

**INSTITUTION OF GEOSPATIAL & REMOTE SENSING MALAYSIA (IGRSM)**

28 Ogos 2019

**AKLA SERVICES SDN. BHD.**

11 September 2019

**Member of Parliament for Permatang Pauh**

30 September 2019

**Multimedia Development Corporation (MDeC)**

2 Oktober 2019

**Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),  
Jabatan Perdana Menteri**

7 Oktober 2019

**Menteri Belia & Sukan**

18 Oktober 2019

**Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

29 Oktober 2019

**Price Water House Coopers (PWC)**

7 November 2019

**Esri Malaysia Sdn Bhd**

13 November 2019

**Universiti Malaysia Terengganu**

28 November 2019

**SAS Malaysia**

29 November 2019

**Construction Industry Development Board (CIDB)**



# Memorandum Persefahaman (MoU)

**Tiga Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama universiti juga telah dimeterai pada tahun ini. Universiti yang terlibat adalah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Tambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan MoU yang telah dimeterai bersama universiti sehingga tahun 2019 adalah **20 buah universiti**.

## a. Memorandum Persefahaman dengan UNIMAS

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menjalankan kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman pada **22 Februari 2019** bertempat di *Staff Lounge, Universiti House, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak*. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin dan Naib Canselor UNIMAS, YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut. Jalinan kerjasama ini dilihat dapat meningkatkan dan mengukuhkan lagi kerjasama strategik dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak serta negara. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui ialah DOSM akan membekalkan data mikro ekonomi dan sosioekonomi bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UNIMAS. MoU dengan UNIMAS ini merupakan MoU yang ke-18 ditandatangani bersama Institusi Pengajian Tinggi.

## b. Memorandum Persefahaman dengan UMP

DOSM telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada **23 Julai 2019** bertempat di *Silk Ballroom, The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang*. MoU ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Prof. Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff, Naib Canselor UMP. MoU ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutama dalam bidang penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik. Penyerahan data mikro kepada UMP juga telah dijalankan pada 24 Oktober 2019. MoU ini merupakan yang ke-19 ditandatangani oleh DOSM bersama Institusi Pengajian Tinggi.



## c. Memorandum Persefahaman dengan UniMAP

Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah diadakan pada **15 November 2019** lepas merupakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman penutup bagi tahun ini. Majlis yang diadakan di Dewan Warisan Kangar, Perlis ini juga bersempena Majlis Santapan Malam, Istiadat Konvokesyen ke 14 UniMAP. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin dan Naib Canselor UniMAP, YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui bagi meningkatkan dan mengukuhkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang ialah DOSM akan membekalkan data mikro ekonomi dan sosioekonomi bagi tujuan kajian ilmiah dan penyelidikan warga UniMAP. Dengan ini, kajian yang dilaksanakan akan menghasilkan dapatan baru yang relevan dari semasa ke semasa dan menyumbang kepada program transformasi negara. MoU dengan UniMAP ini merupakan **MoU yang ke-20** ditandatangani bersama Institusi Pengajian Tinggi.






# KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA



Bengkel / Seminar  
Antarabangsa

Jalinan Kerjasama  
Antarabangsa

Pengiktirafan  
Antarabangsa



# Bengkel / Seminar Antarabangsa

## Country Course On Population Census Dan Country Course On Labour Accounts

DOSM dengan usahasama United Nation Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP) telah menganjurkan Country Course on Population Census dan Country Course on Labour Accounts di ILSM, Sungkai, Perak Darul Ridzuan pada **14 hingga 18 Oktober 2019**.

**Country Course on Population Census** ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada DOSM dalam implementasi kaedah terkini bancian terutamanya berkaitan dengan aspek digital. Penceramah bagi kursus ini ialah Mr Eunkoo Lee daripada United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP) dan seramai **23 peserta** telah menghadirinya termasuk dua wakil daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan seorang wakil daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

**Country Course on Labour Accounts** pula bertujuan membantu DOSM dalam membangunkan kapasiti teknikal statistik ini dalam usaha untuk membangunkan set statistik tersebut. Penceramah bagi kursus ini pula terdiri daripada Encik Manpreet Singh (*International Labour Organization*), Encik Michael Smedes (*Inter-Regional Advisor on Economic Statistics*) dan Puan Jennifer Humphrys (*Australian Bureau of Statistics*). Kursus ini melibatkan seramai **30 peserta** termasuk tiga wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan seorang wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF).



# Jalinan Kerjasama Antarabangsa

Bagi meningkatkan penyelarasan dan kerjasama di kalangan badan statistik antarabangsa dan menggalakkan penyediaan perkhidmatan statistik yang teratur, DOSM secara aktif menyertai mesyuarat dan program yang dianjurkan di peringkat antarabangsa terutamanya mesyuarat tertinggi statistik anjuran *United Nations Statistics Division (UNSD)*, *Organisation of Islamic Countries (OIC)*, *The United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP)*, *United Nations Development Programme (UNDP)*, *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific (UNSIAP)*, *Association of South East Asian Nation (ASEAN)* dan komuniti statistik antarabangsa iaitu *International Statistical Institute (ISI)* dan *International Association of Official Statistics (IAOS)*.



**Penglibatan aktif DOSM dalam program dan aktiviti bertugas di peringkat antarabangsa bagi tahun 2019 adalah dengan:**

## Mempengerusikan mesyuarat bagi:

- *Asia Pacific Economic Statistics (APES) Week 2019 & 8<sup>th</sup> Meeting of the Steering Group on the Regional Programme on Economic Statistics (SGRPES)*, **16-21 June 2019**, Bangkok Thailand (Wakil DOSM, Mohd Yazid bin Kasim)
- *5<sup>th</sup> Meeting of the Working Group on International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS5)*, **23-24 July 2019**, Bangkok Thailand (Wakil DOSM, Puan Jamaliah Jaafar)



- *9<sup>th</sup> IMT-GT Trade, Investment and Tourism Database Sub-Working Group (ITITD-SWG) meeting and the 12<sup>th</sup> IMT-GT Working Group Meeting on Trade and Investment*, **20-22 August 2019**, Medan Indonesia (Wakil DOSM, Encik Liang Hung Shan);
- *8<sup>th</sup> Session of the OIC-Statistical Commission*, **23-25 October 2019**, Ankara Turkey (Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan sebagai Chairman of OIC-StatCom).



## Menganggotai dan menyertai kumpulan pakar (*expert group*) dan kumpulan kerja (*working group*) seperti:

- *First Meeting of the Sub-Group on Gender Statistics Training, 16-18 Januari 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Puan Ezatul Nisha binti Abdul Rahman);
- *Third Meeting of the Expert Group on Refugees and Internationally Displaced Persons Statistics (EGRIS), 12-14 Februari 2019*, Ankara Turki (dihadiri oleh Encik Mohamad Shukor bin Mat Lazim);
- *6th Meeting of the Expert Group on Disaster-Related Statistics in Asia and the Pacific, 23-25 April 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Puan Siti Fatimah binti Muhamzir);
- *8<sup>th</sup> Meeting of the Steering Group on the Regional Programme on Economic Statistics (SGRPES), 24-25 Jun 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Encik Mohd Yazid bin Kasim);
- *Fourteenth Meeting of the United Nations Committee of Experts on Environmental-Economic Accounting (UNCEEA), 24-25 Jun 2019*, New York U.S.A (dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia);
- *2<sup>nd</sup> Meeting of the Subgroup on Gender Statistics Training, 15-17 Julai 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Puan Ezatul Nisha binti Abdul Rahman);
- *2<sup>nd</sup> meeting of the Regional Steering Group on Population and Social Statistics, 17-18 Julai 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Encik Mohamad Shukor bin Mat Lazim);
- *5<sup>th</sup> Technical Meeting of Focal Specialists on International Labour Migration Statistics in ASEAN, 27-28 Ogos 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Puan Nur Layali Mohd Ali Khan);
- *Fifth Meeting of the Regional Steering Group for Civil Registration and Vital Statistics in Asia and the Pacific, 17-19 September 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia);
- *Tenth Meeting of the Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators, 17-19 Oktober 2019*, Addis Ababa Ethiopia (dihadiri oleh YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia);
- *3<sup>rd</sup> Meeting Subgroup on Gender Statistics Training, 4-6 Disember 2019*, Tokyo Jepun (dihadiri oleh Wan Azhar Waan Mokhtar);
- *Improving national statistics on stateless person, 9-11 Disember 2019*, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Puan Noor Faadilah Ismail).

## Memberi bantuan kepakaran dan teknikal sebagai tenaga pengajar bagi topik berikut:

- Technical Mission On "Effective Written Communication Techniques", **18-19 March 2019**, Tirana Albania (dihadiri oleh Puan Wan Siti Zaleha binti Wan Zakaria);
- Statistics Course On 'Methodologies And Best International Practices For Conducting Household Expenditure Survey', **9-10 April 2019**, Brunei Darussalam (dihadiri oleh Puan Azura binti Arzemi);
- Technical Mission On 'Government Finance Statistics, **21-25 April 2019**, Brunei Darussalam (dihadiri oleh Puan Fariza Kambut);
- Statistics Course on 'Science, Technology And Innovation Statistics', **13-15 May 2018**, Jakarta Indonesia (dihadiri oleh Puan Mazreha Ya'akub).

## Menyertai secara aktif mesyuarat, kursus, bengkel, latihan dan forum di peringkat antarabangsa. Antaranya:

- Building National Capacity in Child Labour and Forced Labour Data Analysis, **21-24 January 2019**, Bangkok Thailand;
- Regional Workshop on the 2020 World Programme on Population and Housing Censuses, International Standards and Contemporary Technologies, **12-15 March**, Ankara Turki;
- Survey Design Workshop for the Multiple Indicator Cluster Survey (MICS), **10-17 April 2019**, Istanbul Turkey;
- Regional Training Course on Big Data for Sustainable Development, **15-19 April 2019**, Daejeon Korea;
- Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Labour Mobility Statistics Forum Sharing Data, Sharing Solutions, **2-3 May 2019**, Chile;
- Workshop on Quality of Statistics for SDG Indicators, **13-15 May 2019**, Chiba Jepun;
- High Level Seminar on The Future of Economic Statistics & 10 Minutes Remarks at The 10th Anniversary Celebration of The UN - China Trust Fund Project on Statistical Capacity Building, **2-5 June 2019**, Shanghai People's Republic of China (PRC);
- Forum of Experts in SEEA Experts in SEEA Experimental Ecosystem Accounting, **26-27 June 2019**, New York U.S.A;
- 3<sup>rd</sup> Regional Workshop on the ASEAN Sustainable Development Goals (SDG) Indicators, **17-18 July 2019**, Bali Indonesia;
- Regional Workshop on Mobile Census Data Collection with CSPro Android (Advance Level), **5-9 August 2019**, Ulaanbaatar Mongolia;
- Workshop on Designing Financial Protection Policies, **12-14 September 2019**, Manila Filipina;
- UNFPA-KOSTAT Workshop on Strengthening Statistical Capacity on Census Methodology, **30 September - 4 October 2019**, New Delhi India;
- 9<sup>th</sup> Session of the ASEAN Community Statistical System (9th ACSS) Committee, **9-11 October 2019**, Bangkok Thailand (dihadiri oleh Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan);
- Labour Market Statistics and Analysis Academy, **16 November - 1 December 2019**, Turin Italy;
- Regional Workshop on Statistics of International Trade in Services (SITS), **27-29 November 2019**, Hanoi Vietnam;
- EU-ASEAN Dialogue on Digital Economy: 2<sup>nd</sup> Workshop on Digital Economy and Society and Study tour to the EU, **2-5 December 2019**, Brussel Belgium.

## Ringkasan Penglibatan DOSM di Peringkat Antarabangsa:

Sepanjang tahun 2019, DOSM telah menghadiri **78 program** bertugas rasmi ke luar negara yang melibatkan **110 orang pegawai**:



Berdasarkan keupayaan DOSM, komitmen yang tinggi dan penglibatan yang aktif oleh pegawai-pegawai, **hampir 90% penyertaan DOSM** mendapat tajaan agensi dan badan-badan antarabangsa.

## Siri Mesyuarat Antarabangsa Yang Dijalankan

Dalam Talian Menerusi 'Webcam':


DOSM juga terlibat secara aktif dengan *Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics* (FOC-FPOS) - *webcam meetings*. Mesyuarat ini diadakan mengikut masa yang ditetapkan oleh negara penganjur. Sebanyak **17 webcam meetings** telah diadakan sehingga Disember 2019:

Bil.	Mesyuarat	Tarikh
1	1 <sup>st</sup> FOC-FPOS WebEx Bil. 1/2019 Meeting	23 Jan 2019
2	2 <sup>nd</sup> Meeting of the Bureau of the committee ESCAP	9 April 2019
3	2 <sup>nd</sup> FOC-FPOS and Open Data	11 April 2019
4	Bureau of the Committee on Statistics Meeting	22 April 2019
5	3 <sup>rd</sup> FOC-FPOS	31 May 2019
6	IAEG-SDG	3 Julai 2019
7	Friends of Chair FOC-FPOS	11 Julai 2019
8	IAEG-SDG	23 Julai 2019
9	4 <sup>th</sup> FOC-FPOS	3 September 2019
10	5 <sup>th</sup> FOC-FPOS	12 September 2019

11	IAEG-SDG	10 Oktober 2019
12	IAEG-SDG	17 Oktober 2019
13	IAEG-SDG	6 November 2019
14	IAEG-SDG	27 November 2019
15	IAEG-SDG	4 Disember 2019
16	7 <sup>th</sup> FOC-FPOS ( <i>6<sup>th</sup> FOC-FPOS, Malaysia not attended</i> )	19 November 2019
17	8 <sup>th</sup> FOC-FPOS	12 Disember 2019

## Pengiktirafan Di Peringkat Antarabangsa

Pada tahun 2019, DOSM turut melakar kecemerlangan di arena antarabangsa apabila Pengurusan Atasan Jabatan terus diberi kepercayaan untuk menganggotai Organisasi/Agenzi Statistik utama di peringkat dunia seperti *Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS)*, *Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific*, *Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs)* dan *International Association for Official Statistics (IAOS)*. **Senarai keanggotaan dan peranan DOSM di persada dunia** adalah seperti berikut:



Bil.	Keanggotaan/ Organisasi Antarabangsa	Nama/Jawatan	Tempoh
1.	<i>Friends of The Chair Group On The Fundamental Principles Of Official Statistics (FOC-FPOS)</i>	Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia	2019–2020
2.	<i>Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific</i>	i. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia ii. Puan Hajah Nazaria Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal)	2019–2024
3.	<i>Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs)</i>	Puan Hajah Nazaria Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal)	2019–2021
4.	<i>Executive Committee (EXCO) of International Association for Official Statistics (IAOS)</i>	Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia	2019–2021

## Lawatan Sambil Belajar & Kunjungan Hormat Agensi Antarabangsa

DOSM juga telah menerima kunjungan hormat daripada pihak luar negara sepanjang tahun 2019 seperti *World Bank Research Department, Asian Development Outlook 2019* dan *Guangxi Zhuang Autonomous Region Bureau of Statistics*. DOSM juga telah menerima lawatan sambil belajar dari luar negara iaitu *Banco Central De Timor-Leste (BCTL)* dan *Guangxi Zhuang Autonomous Region Bureau of Statistics*.



**22 Januari 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada Professor  
Martin Ravallion  
daripada Georgetown  
University



**25 Januari 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada GOPA  
Consultants Group



**28 Januari 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada World Bank  
Country Manager



**18 Februari 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada Asian  
Development Outlook  
2019 Consultation Mission



**3 April 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada UN ESCAP



**8 April 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada Mr. Simon  
Humphreys, pakar  
daripada ARISE Plus



**7 Mei 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada Banco Central  
De Timor-Leste (BCTL)



**3 Julai 2019 –**  
Kunjungan Hormat  
daripada UN-HABITAT



**6 Ogos –**  
Kunjungan Hormat  
daripada Guangxi  
Zhuang Autonomous  
Region Bureau of  
Statistics

DOSM telah berjaya menempah nama di persada antarabangsa melalui perlantikan sebagai *Chairman, Co-Chair, expert group* dan tenaga pengajar. Sehingga 2019, DOSM masih menyandang jawatan *chairman* dalam OIC-StatCom, UNESCAP *BUREAU of The Committee on Statistics, Task Force on Asia Pacific Economic Statistics Week* dan sebagai *co-chair* di *Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC StatCom*.



**Mempengerusikan 8<sup>th</sup> Session of OIC-Statistical Commission, Ankara, Republic of Turkey pada 23 – 25 Oktober 2019**

**Pengerusi OIC-Statcom,  
bagi tempoh 2018 – 2019**



**Pengerusi Committee on Statistics of UN ESCAP,  
bagi tempoh 2018 – 2020.**





Standard Chartered



# WORK LIFE BALANCE



# **Work Life Balance – World Stats (WSC) Run 2019**

Bersempena dengan Kongres Statistik Sedunia (WSC) Institut Statistik Antarabangsa (ISI) ke-62 pada 2019, Malaysia telah berjaya menganjurkan **World Stats (WSC) Run 2019** pada **18 Ogos 2019** di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Idea untuk menganjurkan larian ini adalah untuk mewujudkan kesedaran awam mengenai Kongres Statistik Sedunia. Dengan tema "Come, Connect and Create", larian ini memberi ruang bagi para ahli statistik dan orang ramai untuk bertemu di tempat yang sama untuk mewujudkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa berjalan di sepanjang pemandangan luar biasa Kuala Lumpur. Seramai lebih **6,000 peserta** telah menyertai larian ini dengan kumpulan umur 5 tahun dan ke atas dalam kategori 21 KM, 10KM dan 5KM.



1. *Road to World Stats (WSC) Run 2019* latihan larian sekitar tasik Kompleks C dan Masjid Putra pada Ogos 2019.
2. *Road to World Stats (WSC) Run 2019* bersama Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin sekitar tasik Ogos 2019.
3. Program Promosi *World Stats (WSC) Run 2019* oleh AJK Promosi *World Stats (WSC) Run 2019* dan dibantu oleh DOSM WPKL.
4. Program Promosi *World Stats (WSC) Run 2019* oleh YBrs. Tuan Haji Ibrahim Jantan Timbalan Ketua Perangkawan merangkap Chairperson Sekretariat *World Stats (WSC) Run 2019* dan dibantu oleh DOSM WPKL.
5. Pelepasan peserta kategori 5KM *World Stats (WSC) Run 2019* oleh Dato' Saiful Anuar Lebai Hussen Ketua Setiausaha MEA di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 18 Ogos 2019
6. Simbolik pembukaan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang larian *World Stats (WSC) Run 2019* oleh Pengarah Bahagian dan DOSM Negeri.
7. Sesi penyampaian hadiah kepada pemenang larian *World Stats (WSC) Run 2019* mengikut kategori.
8. Antara gelagat pelari yang menyertai *World Stats (WSC) Run 2019*.
9. Peserta Antarabangsa dari Filipina yang menyertai *World Stats (WSC) Run 2019*.
10. YB. Dr. Ong Kian Ming Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga turut menyertai *World Stats (WSC) Run 2019*.
11. Sesi penyampaian hadiah cabutan bertuah oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin Ketua Perangkawan Malaysia.
12. Ahli Jawatankuasa *World Stats (WSC) Run 2019* yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ibrahim Jantan Timbalan Ketua Perangkawan.



# Penubuhan Kelab Alumni Statistik (KLASIK)

KLASIK adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada **29 Oktober 2018**. Keahlian kelab ini terdiri daripada pesara skim perkhidmatan perangkaan dan skim perkhidmatan lain yang pernah berkhidmat di DOSM. Sehingga bulan Jun 2019, KLASIK mempunyai **143 ahli**. Tujuan dan matlamat penubuhan KLASIK adalah:

- i. Mewujudkan kesinambungan hubungan silaturrahim antara anggota yang sedang berkhidmat dengan pesara atau bekas anggota yang pernah berkhidmat dengan Jabatan Perangkaan Malaysia
- ii. Menjalankan kegiatan kebajikan dan sosial untuk faedah pesara serta ahli keluarganya
- iii. Memberi platform kepada pesara yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu (*tacit knowledge transfer*) untuk terus menyumbang kepada Jabatan
- iv. Memberi peluang kepada pesara untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi dan pelaburan yang dianjurkan oleh Jabatan.

**Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Kali Pertama**  
**KLASIK** telah diadakan pada **30 Mac 2019** bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak. Mesyuarat yang dihadiri seramai **30 ahli** ini telah dirasmikan oleh Penaung KLASIK, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Aktiviti lain seperti Program Literasi Banci Bersama Alumni dan Majlis Makan Malam KLASIK turut diadakan bersempena dengan mesyuarat agung tersebut.



KLASIK telah dilancarkan secara rasminya pada 6 Julai 2019 oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Penaung Kelab.

## Koperasi Perangkaan Malaysia Berhad

Koperasi Perangkaan Malaysia Berhad atau nama asalnya Koperasi Perangkaan Wilayah Persekutuan Berhad telah didaftarkan pada **6 Februari 2017** di bawah Akta Koperasi 1993 dengan nombor pendaftaran W-R-0402. Tujuan utama koperasi ini ditubuhkan adalah untuk memberikan perkhidmatan dan kebajikan

yang dapat memberikan manfaat khususnya anggota-anggota Koperasi dan DOSM amnya. Matlamat utama ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi dan kebajikan anggotanya melalui strategi perniagaan dan aktiviti kebajikan. Pada 2019, jumlah ahli koperasi yang berdaftar ialah seramai **232 orang**.

## FitDOSM



### Aktiviti Bulanan

FitDOSM BPE  
Stretching, Walking & Stairs Climbing dan Zumba

### 16 Januari 2019

FitDOSM MBLS  
Riadah bermain bola jaring diperkarangan Blok D5

### 16 Januari, 20 Februari, 20 Mac, 17 April dan 26 Jun 2019

FitDOSM BPAN

### 16 Januari, 10 April dan 23 Oktober 2019

FitDOSM BKS

### 20 Februari, 19 Jun, 4 September dan 20 November 2019

FitDOSM BPPD

### 27 Februari, 26 Jun, 11 September dan 27 November 2019

FitDOSM BPPAS

**13 Mac, 10 Julai, 25 September dan 11 Disember 2019**  
FitDOSM BPPA

**13 Mac, 20 Mac, 3 April, 23 Julai, 2 Ogos dan 27 Ogos 2019**

FitDOSM PO Labuan  
Permainan Bola Jaring dan Bola Tampar di Dewan Arena Kg Bukit Kuda

**30 Mac 2019**  
FitDOSM Kuala Lumpur Hiking di Lata Medang (KKSS Highlander Team) di Lata Medang, Kuala Kubu Baru, Selangor

**3 Mei 2019**  
FitDOSM Kelantan Program mendaki Bukit Panau, Tanah Merah bersama YBhg. Dato Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia

**16 Julai 2019**  
FitDOSM Negeri Sembilan Pertandingan Bowling (Tertutup) DOSM Negeri Sembilan di Ampang Superbowl, Seremban

**27 Julai 2019**  
FitDOSM Selangor Trekking@FitDOSM Sempena Kembara ISI-WSC 2019 DOSM Selangor di Santuari Ikan Sg Chiling, Kuala Kubu Baru Selangor

**3 Ogos 2019**

FitDOSM Melaka  
Mendaki Bukit Beruang  
Melaka bersama YBhg. Dato'  
Sri Ketua Perangkawan  
Malaysia

**21 Ogos & 6 November 2019**

FitDOSM BPPIB  
Sukan tradisional

**9 Oktober 2019**

FitDOSM MBLS  
Perlawanan bowling  
tertutup sempena Hari  
Statistik Negara 2019 yang  
diadakan di Alamanda,  
Putrajaya

**10 Oktober 2019**

Mini Karnival FitDOSM  
Sukan DOSM Kedah  
diadakan di Kompleks  
Sukan Suka Menanti, Alor  
Setar

**20 Oktober 2019**

FitDOSM Perdana DOSM  
Kedah

**26 Oktober 2019**

DOSM Sarawak  
Mengadakan Senamtari  
dan FoodHunt: "THE  
INGENIOUS FOOD HUNTER"  
sempena HSN 2019 di  
Kuching Sarawak

**30 Oktober 2019**

FitDOSM Pahang  
Bersama YBhg. Dato' Sri Dr.  
Ketua Perangkawan  
Malaysia di Taman  
Esplanade, Kuantan

**3 November 2019**

FitDOSM Selangor  
Mendaki Bukit Besar bersama  
YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua  
Perangkawan Malaysia

**19 November 2019**

FitDOSM Pulau Pinang  
Bersama YBhg. Dato' Sri Dr.  
Ketua Perangkawan  
Malaysia di Taman Tunku,  
Seberang Jaya, Pulau Pinang

**6 Disember 2019**

FitDOSM PERDANA DOSM  
Selangor  
Bersama dengan YBhg.  
Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan  
Malaysia bertempat di  
Taman Tasik Shah Alam

# Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK)



**23 Februari 2019**

CSR DOSM Johor di Gunung Ledang  
Tangkak, Johor

**23 Februari & 16 April 2019**

CSR DOSM Johor di Gunung Lambak,  
Kluang, Johor



**11 April 2019**

Aktiviti CSR DOSM Melaka dan Perlawanan Bola  
Persahabatan di antara DOSM Melaka  
dan Anak-Anak Rumah Budak Laki-Laki  
Tun Abdul Aziz, Durian Daun, Melaka

**3 Mei 2019**

CSR DOSM Kelantan bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia menyantuni para guru dan pelajar Pondok Tahfiz Al-Balaghulmubin, Pasir Mas sekaligus menyampaikan sumbangan buah kurma dan keperluan asas yang lain sempena menyambut bulan Ramadhan Al-mubarak.





## 16 Mei 2019

CSR DOSM KL iaitu program mengacau bubur lambuk di Blok F, PPR Intan Baiduri, Kuala Lumpur

## 17 Mei 2019

CSR DOSM KL iaitu program pengagihan makanan/barangan kepada gelandangan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur



## 28 Mei 2019

CSR DOSM Selangor iaitu Sumbangan Hari Raya AidilFitri kepada penghuni di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Ummi, Kajang, Selangor

## 28 & 30 Mei 2019

CSR DOSM Perak iaitu Kelab Sukan dan Kebajikan Statistik (KSKS) bersama PUSPANITA DOSM Perak telah meneruskan aktiviti CSR Ramadhan yang telah dilaksanakan





## 29 Mei 2019

CSR DOSM Pahang iaitu memberi sumbangan Share to Care 2019 kepada Rumah Anak Yatim dan Miskin Dynasti



## 29 Mei 2019

CSR BBPA iaitu kunjungan dan penyampaian sumbangan BPPA kepada Encik Abdul Rahman Bin Sahri, bekas anggota BPPA



## 20 Julai 2019

CSR DOSM Selangor iaitu Majlis Penyempurnaan Mural ISI-WSC 2019 di SMK Bukit Changgang



## 17 Ogos 2019

CSR BPE iaitu Tree Planting bersempena 62<sup>nd</sup> ISI World Statistics Congress di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong



## 10 Oktober 2019

CSR DOSM Johor di kampung Parit Tengah Ayer Hitam Muar, Johor

# Ihya Ramadhan / Majlis Berbuka Puasa 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Perak**  
17 Mei 2019

**Program Pengimaranan Ramadhan Al-Kareem Jabatan Perangkaan Kelantan Bersama Komuniti Taman Tg Chat, Kota Bharu, Kelantan**  
21 Mei 2019

**Majlis Silaturahim & Pengimaranan Ramadhan Al Kareem 1440H/2019M**  
24 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Selangor (Pejabat Operasi Gombak)**  
25 Mei 2019

**Majlis Iftar Jabatan Perangkaan Negeri Kedah**  
26 Mei 2019

**Program Agihan Bubur Lambuk Jabatan Perangkaan Negeri Johor (Pejabat Operasi Muar)**  
26 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Selangor (Pejabat Operasi Kajang)**  
27 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Pahang (Pejabat Operasi Temerloh)**  
27 Mei 2019

**Program Agihan Bubur Lambuk Jabatan Perangkaan Negeri Johor (Pejabat Operasi Kluang)**  
27 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Pulau Pinang**  
27 Mei 2019

**Sumbangan Bubur Kacang Sempena Ihya' Ramadhan Jabatan Perangkaan Negeri Pahang**  
27 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa & Khatam Al-Quran Jabatan Perangkaan Negeri Selangor**  
29 Mei 2019

**Majlis Berbuka Puasa Jabatan Perangkaan Negeri Pahang**  
29 Mei 2019

**Program Agihan Bubur Lambuk "Salam Ramadhan" Jabatan Perangkaan Negeri Melaka**  
29 Mei 2019

**Majlis Iftar Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu**  
30 Mei 2019





# Majlis Sambutan Hari Raya 2019

- **Majlis Sambutan Hari Raya 2019 Ibu Pejabat**  
14 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Perangkaan Negeri Johor (Pejabat Operasi Muar & Kluang)**  
19 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan**  
20 Jun 2019
- **Majlis Rumah Terbuka Jabatan Perangkaan Wilayah Persekutuan (Pejabat Operasi Labuan)**  
20 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan**  
20 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Perangkaan Negeri Johor**  
20 Jun 2019
- **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Selangor**  
21 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Pulau Pinang**  
21 Jun 2019
- **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Kedah**  
24 Jun 2019
- **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Pahang**  
28 Jun 2019
- **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Pahang (Pejabat Operasi Bentong)**  
28 Jun 2019
- **Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perangkaan Negeri Pahang (Pejabat Operasi Temerloh)**  
28 Jun 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi**  
28 Jun 2019
- **Majlis Hari Raya Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu**  
30 Jun 2019
- **Majlis Aidil Fitri Jabatan Perangkaan Wilayah Persekutuan**  
2 Julai 2019
- **Majlis Sambutan Hari Raya Adilifitri Bahagian Pengurusan Maklumat**  
8 Julai 2019
- **Majlis Hari Raya Jabatan Perangkaan Malaysia**  
12 Julai 2019



# Majlis Makan Malam



**Majlis Makan Malam 2018  
DOSM Negeri Sembilan**  
8 Januari 2019



**Majlis Makan Malam dan  
Jasamu Dikenang  
DOSM Perak**  
17 November 2019



**Program Malam  
Tautan Ukhwah  
DOSM Perlis**  
22 November 2019



**Malam Perangkaan  
DOSM Terengganu**  
27 November 2019



**Majlis Makan Malam  
DOSM Pahang**  
13 Disember 2019



**Annual Dinner  
Bahagian Perangkaan  
Tenaga Manusia dan  
Sosial (BPTMS)**  
14 Disember 2019

# Hari Keluarga DOSM



## HARI KELUARGA **DOSM 2019**

2 NOVEMBER 2019

AGROTEK GARDEN RESORT,  
HULU LANGAT, SELANGOR



# Aktiviti-aktiviti Lain





**Majlis Khatam Al-Quran DOSM Negeri Sembilan**  
29 Mei 2019



**Pertandingan Menghias Ruangan Mengikut Seksyen BPPD**  
27 Mei – 21 Jun 2019



**Kembara WSC di Pulau Perhentian DOSM Terengganu**  
19 Jun 2019



**Kembara WSC di Tasik Kenyir DOSM Terengganu**  
20 Jun 2019



**Pertandingan Bowling (Tertutup) DOSM Negeri Sembilan**  
16 Julai 2019



**Persembahan Kebudayaan “Tarian Canggung” DOSM Perlis**  
21 Ogos 2019



**Sambutan Quran Hour BPPD**  
30 Ogos 2019



**Pertandingan Bowling Tertutup Core Team  
MBLS Sempena Hari Statistik Negara 2019**  
9 Oktober 2019



**Mini Karnival Sukan DOSM Kedah**  
10 Oktober 2019



**DOSM@ Masjid Mahmoodiah,  
Presint 18 PO Putrajaya**  
18 Oktober 2019



**Sambutan HSN 2019 BPPA**  
21 Oktober 2019





**Majlis Sanjungan Budi  
Tuan Haji Ibrahim Jantan  
Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)**  
25 Oktober 2019





# CABARAN DAN ASPIRASI 2020



# WAWASAN Kemakmuran Bersama 2030

WAWASAN  
KEMAKMURAN  
BERSAMA  
**2030**



Seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* 2019 dan **Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030** yang telah dilancarkan oleh Kerajaan, DOSM perlu memastikan statistik yang dibekalkan adalah tepat dan *reliable* bagi mencapai matlamat kerajaan dalam WKB 2030. Matlamat ini juga **selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) pada tahun 2030** yang diperkenalkan oleh United Nations. Seluruh anggota DOSM telah bersedia untuk melangkah ke tahun 2020 dengan lebih bersemangat bagi merealisasikan visi dan misi DOSM yang seterusnya. Matlamat ini hanya dapat dicapai melalui kecekalan, dedikasi dan kerjasama dari semua anggota. Semua anggota DOSM digesa agar terus mengekalkan budaya kerja yang cemerlang bagi bergerak seiring dengan kerajaan untuk mencapai WAWASAN Kemakmuran Bersama pada tahun 2030.

## Kajian Separuh Penggal RMKe-11

**Kajian Separuh Penggal RMKe-11** yang dilaksanakan oleh Kerajaan dengan keutamaan dan penekanan baharu adalah bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosiekonomi bagi tempoh **2018 hingga 2020**. Kajian separuh penggal ini mengambil kira aspirasi kerajaan, cabaran ekonomi dan *trend* global semasa. Prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang mantap serta integriti dan akauntabiliti yang lebih tinggi disaran untuk diperku�han. Dalam konteks ini, DOSM menyokong usaha ini dan senantiasa bersedia untuk membantu Kerajaan dalam menerbitkan laporan-laporan yang berkaitan bagi pemantauan pelaksanaan perancangan dan pembangunan Negara.



kajian separuh penggal

## RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

keutamaan dan penekanan baharu



# Revolusi Perindustrian Keempat

Begitu juga dengan **Revolusi Perindustrian** yang kini telah memasuki peringkat keempat atau lebih dikenali sebagai **IR 4.0**, iaitu evolusi sistem pengkomputeran dan proses automasi berlaku dengan pesat. IR 4.0 juga merupakan era *Internet-of-things* (IOT) dengan peranti pintar saling berhubungan melalui internet.



Kita tidak mempunyai pilihan selain menerima teknologi terkini ini dan secara beransur-ansur membuang cara lapuk atau tradisional dalam melaksanakan tugas. Ia boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi yang mampu mempercepatkan proses penghasilan produk dan perkhidmatan statistik. Selain itu, penyelarasan sistem penguatkuasaan dan dasar baru juga perlu dibuat melalui pemerkasaan undang-undang, termasuk pindaan Akta Perangkaan 1965 bersesuaian dengan cabaran dalam era IR 4.0.

## Banci Penduduk dan Perumahan 2020

**Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020)** merupakan banci yang ke-6 yang akan dilaksanakan oleh DOSM pada **Julai 2020** dan berpandukan *Malaysia Census Transformation Programme* (MyCTP) yang merangkumi elemen inovasi berdasarkan ICT selari dengan *Malaysia National Development Strategy* (MyNDS) dalam RMKe-11. Bagi memastikan MyCTP dapat direalisasikan dan memenuhi salah satu kerangka yang digariskan, DOSM telah membangunkan sistem *Malaysia Intergrated Population Census System* (MyIPCS). Ia merupakan sistem yang komprehensif dan bersepada yang melibatkan proses sebelum, semasa dan selepas banci merangkumi pembangunan 10 sistem utama yang akan digunakan dalam Banci 2020.

Pelaksanaan **Banci 2020** juga mengambil kira amalan terbaik negara luar dan menekankan modenisasi dalam pelaksanaannya. Kerjasama strategik dan integrasi data pentadbiran daripada Agensi Kerajaan lain, (OGA) seperti

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluargadan Masyarakat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menjadi penanda aras kepada penghasilan pangkalan data alamat dan penduduk yang menyeluruh untuk keperluan negara. Penggunaan gabungan beberapa mod pembancian pada kali ini telah dicadangkan iaitu **40 peratus** bagi Computer-Assisted Personal Interview (CAPI), **30 peratus** bagi e-Census, **20 peratus** bagi temu ramah bersemuka atau Paper-and-PenInterview (PAPI), **5 peratus** bagi Drop-Off-Pick-Up (DOPU) dan **5 peratus** bagi Computer-Assisted Telephone Interview (CATI). Justeru itu, komitmen dan kerjasama semua bagi menjayakan dan merealisasikan Banci 2020 amatlah diperlukan terutamanya semasa aktiviti persediaan yang lebih rancak yang dijalankan pada tahun 2019 ini.

**Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong**



ISSN 2289-3083



9 772289 308009

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6, Kompleks C, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
65214 Putrajaya Malaysia.

(603) 8885 7000


www.dosm.gov.my

(603) 8888 9248

jpbkkp@dosm.gov.my

+6013-772 2020

t.me/BANCI2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)  
[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)

